

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2024

HARI KHAMIS : 7 MAC 2024

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 14 HINGGA NO. 80)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN
RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN ZAKRI BIN HASSAN [KANGAR]

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN ZAKRI BIN HASSAN minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam penyediaan dan pembangunan e-sport di kawasan luar bandar memandangkan e-sport kini adalah sukan yang amat diminati oleh golongan belia termasuklah di kawasan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian Belia dan Sukan sentiasa komited dalam melaksanakan pelbagai inisiatif dalam memastikan industri esukan ini sentiasa berkembang pesat di seluruh negara termasuk di kawasan luar bandar.

KBS telah membangunkan Garis Panduan Pembangunan Sukan Elektronik Kebangsaan (NESDEG) telah dilancarkan secara rasmi pada Jun 2023. Matlamat NESDEG adalah untuk memberi panduan kepada semua pemegang taruh berkaitan tadbir urus yang lebih efektif, hak dan bertanggungjawab dalam kalangan penggiat dan pemain industri selain menggariskan panduan dan prosedur untuk membuat keputusan, kawalan dalaman dan pengurusan risiko yang lebih baik. Bagi tujuan advokasi yang lebih menyeluruh berkenaan NESDEG, pihak Kementerian menerusi Esports Integrated (ESI) dengan kerjasama

SOALAN NO : 14

Persekutuan Sukan Elektronik Malaysia (MESF) telah melaksanakan Jelajah NESDEG ke seluruh negara pada September hingga Disember 2023 dengan pelaksanaan bengkel bersama komuniti dan kempen promosi bergerak di seluruh negara yang telah melibatkan 1,748 peserta bagi tempoh tiga bulan pelaksanaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, KBS melalui ESI juga telah memperkenalkan satu peruntukan khusus esukan pada tahun 2023 iaitu dana esukan KBS. Inisiatif perintis ini bertujuan memberikan galakan kepada penggiat industri esukan tempatan bagi menganjurkan lebih banyak program, pertandingan dan acara esukan serta merancakkan ekosistem esukan negara. Sebanyak 14 projek dengan jumlah peruntukan keseluruhan RM 250,000.00 telah dan sedang dijalankan termasuklah di beberapa kawasan luar bandar seperti Simunjan (Sarawak), Ranau (Sabah) dan Alor Gajah (Melaka). Salah satu projek yang menerima dana tersebut adalah khusus bagi kumpulan belia orang asli dengan penglibatan seramai 341 peserta daripada Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak dan Selangor.

Dalam usaha mengetengahkan bakat baru dalam esukan, kejohanan utama yang diterajui Kementerian iaitu Malaysia Esports League (MEL) telah dilaksanakan sebanyak tiga edisi bermula pada tahun 2021 sehingga 2023 yang telah mendapat penyertaan lebih 26,000 peserta. Kejohanan ini adalah sebuah platform kepada semua pemain termasuk bandar atau luar bandar bagi bertanding secara kompetitif dan sebagai persediaan individu atau pasukan sebelum ke penyertaan dalam kejohanan professional dan antarabangsa. MEL secara khusus turut melibatkan liga di peringkat negeri dengan kerjasama Persatuan Sukan Elektronik Negeri-negeri bagi menjangkau kepada lebih ramai golongan belia luar bandar dan komuniti setempat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
[AYER HITAM]**

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan pertimbangan semasa Kementerian dalam menggubal lemon law terhadap industri automotif bagi melindungi hak pengguna sepanjang tempoh jaminan selepas membuat pembelian kenderaan dan sejauh manakah kajian kebolehlaksanaan terhadap cadangan ini telah dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Lemon Law ialah satu undang-undang yang menyediakan hak tebus rugi (redress) kepada pembeli kereta dan barangan pengguna lain untuk mendapatkan remedi terhadap produk yang berulang kali rosak dan gagal memenuhi standard kualiti dan prestasi. Antara remedi yang boleh dituntut oleh pengguna atau pembeli di bawah Lemon Law ini adalah pembaikan, penggantian, pengurangan harga atau pembayaran balik.

Di Malaysia, peruntukan perundangan berkaitan hak tebus rugi pengguna terhadap pembekal atau pengilang sekiranya barangan yang dibekalkan gagal mematuhi gerenti yang ditetapkan telah termaktub dalam Akta Perlindungan Pengguna 1999 [Akta 599] di bawah kawal selia Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN). Peruntukan di bawah Akta 599 yang berkaitan perkara ini adalah:-

1. Bahagian V- Gerenti berkenaan Dengan Pembekalan Barang;
2. Bahagian VI- Hak terhadap pembekal berkenaan dengan gerenti dalam pembekalan barang; dan
3. Bahagian VII- Hak terhadap pengilang berkenaan dengan gerenti dalam pembekalan.

Nescaya, kepentingan hak pengguna di Malaysia telah diambil kira dengan jaminan untuk memperoleh barangan dengan kualiti yang munasabah dan hak untuk menebus rugi sekiranya barangan tidak mematuhi gerenti melalui peruntukan di bawah Akta 599.

Walau bagaimanapun, pada tahun 2024, KPDN akan melaksanakan satu Kajian Kebolehlaksanaan Lemon Law bagi memperkasakan hak pengguna untuk menuntut tebus rugi sekiranya mereka menerima kenderaan bermotor yang rosak atau gagal mematuhi standard kualiti atau prestasi seperti yang dijanjikan oleh pembekal dan tidak dapat dibaiki atau dibetulkan. Setelah kajian selesai, satu keputusan dasar di peringkat Kementerian akan dibuat sebelum penambahbaikan rangka kerja perundangan dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN
HASSAN [KOTA BHARU]**

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini perancangan kerajaan dalam melaksanakan pemisahan kuasa Peguam Negara dan Pendakwa Raya.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan MADANI mengambil serius cadangan reformasi institusi melibatkan pengasingan peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya. Jemaah Menteri telah bersetuju supaya Kajian Empirikal yang terperinci dan holistik dilaksanakan secara interim mengenai pengasingan peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya melalui penubuhan dua pasukan khas, iaitu Pasukan Petugas Khas Kajian Komparatif dan Pasukan Petugas Teknikal.
2. Susulan itu, baru-baru ini pada 7 Februari 2024, satu Kertas Jemaah Menteri mengenai rasional serta parameter telah dibentangkan dan hala tuju dan parameter Kajian Empirikal telah dipersetujui.
3. Pasukan Petugas Khas Kajian Komparatif terdiri daripada YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) serta wakil Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi, wakil Blok Pembangkang, Jabatan Peguam Negara (AGC).
4. Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU) telah memulakan usaha bagi menjalankan kajian empirikal secara interim berdasarkan keterangan (*evidence-based research*) melibatkan tiga buah negara, iaitu United Kingdom, Australia dan Kanada bagi memperoleh maklumat tentang amalan terbaik (*best practices*) di negara-negara tersebut supaya model yang bersesuaian berhubung dengan pengasingan peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya dapat disyorkan kepada Kerajaan.

5. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat jua, perbincangan awal antara YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Menteri Keadilan dan Peguam Negara, Canada serta *Parliamentary Under Secretary of State for the Ministry of Justice*, United Kingdom berhubung dengan pemisahan kuasa antara Peguam Negara dan Pendakwa Raya di Kanada dan United Kingdom telahpun diadakan semalam, iaitu pada 4 Mac 2024, di Commonwealth Law Ministers Meeting yang sedang berlangsung di Zanzibar, Tanzania. Mesyuarat-mesyuarat ini merupakan usaha ke arah permulaan Kajian Empirikal berkenaan dengan reformasi ini, yang disokong sepenuhnya oleh Kerajaan Perpaduan.

6. Hasil kajian akan membolehkan kerangka terbaik bagi negara ini dikenal pasti dengan mengambil kira amalan terbaik negara yang dikaji tanpa mengabaikan keperluan spesifik bagi Malaysia memandangkan model semasa telah diguna pakai semenjak mencapai kemerdekaan.

7. Oleh yang demikian, kajian secara menyeluruh perlu dilaksanakan bagi memastikan kelangsungan semak imbang dan ketersediaan semua pihak agar reformasi institusi yang dijanjikan dapat direalisasikan secara efisien.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN ZAHIR BIN HASSAN (WANGSA MAJU)

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN ZAHIR BIN HASSAN [WANGSA MAJU] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :

- (a) status kejayaan program TVETPreneur untuk pelatih-pelatih termasuk graduan ILKBS;
- (b) apakah perancangan Kementerian untuk meningkatkan tahap celik digital termasuk pemasaran digital dan e-perdagangan dalam kalangan usahawan belia.

JAWAPAN

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melaksanakan program TVETPreneur di Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS). TVETPreneur merupakan program keusahawanan yang merangkumi pengajaran dan pembelajaran di bawah subjek keusahawanan. Para pelajar juga dibimbing untuk menggunakan platform *Go-eCommerce* yang dibangunkan oleh Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) bagi tujuan pemasaran produk.

Pada tahun 2022 hingga 2023, ILKBS telah melatih seramai 1,424 pelajar bagi subjek TVETPreneur dan seramai 410 pelajar telah berjaya merekodkan jumlah jualan sebanyak RM296 ribu dalam sistem *Go-eCommerce*.

Berhubung pertanyaan Ahli Yang Berhormat mengenai perancangan Kementerian untuk meningkatkan tahap celik digital termasuk pemasaran digital dan e-perdagangan dalam kalangan usahawan belia, KBS tidak menyediakan latihan atau kursus sedemikian. Ini adalah kerana program-program pembangunan keusahawanan telah pun diperuntukkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan agensinya yang mengandungi modul latihan berkaitan pendigitalan bagi meningkatkan tahap celik digital di kalangan usahawan termasuk untuk golongan belia. Antara program yang disediakan adalah seperti berikut:

- (i) Program *New Gen Entrepreneur Online Bootcamp* (N-GENE) oleh KUSKOP bagi membantu graduan untuk menjana pendapatan serta memberi pendedahan awal sebelum memulakan perniagaan yang lebih besar;
- (ii) Program Pembudayaan Pendigitalan Penjaja dan Peniaga Kecil oleh KUSKOP yang merupakan program yang meningkatkan pengetahuan dan kemahiran penjaja dan peniaga kecil dalam menjalankan transaksi perniagaan secara digital;

SOALAN NO : 17

- (iii) Skim Pembiayaan Online TEKUN (SPOT) oleh TEKUN Nasional yang menyediakan modal pembiayaan secara mudah dan cepat khas untuk usahawan yang menjalankan perniagaan secara atas talian;
- (iv) Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP) 2.0 oleh SME Corp bagi membantu membangunkan PMKS Bumiputera yang berdaya saing melalui pembinaan kapasiti dan keupayaan serta memudahkan akses kepada pembiayaan; dan
- (v) SME Technology Transformation Fund oleh SME Bank yang menyediakan pembiayaan kepada PMKS mengadaptasi digital, automasi operasi perniagaan menggunakan aplikasi IR4.0 untuk meningkatkan produktiviti, kecekapan proses, pengurusan kos dan penembusan pasaran.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR
[SETIU]

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [SETIU] minta **Menteri Pengangkutan** menyatakan inisiatif Kementerian dalam mengguna pakai konsep *first mile-last mile* bagi meningkatkan kesalinghubungan antara pelbagai kemudahan awam sekali gus dapat memaksimumkan impak penggunaan pengangkutan awam negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi menangani perkara berhubung *first mile* dan *last mile* yang dibangkitkan, Kerajaan telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan *Demand Responsive Transit* (DRT) atau *Bas On Demand* (BOD) secara *Proof of Concept* (POC). Alternatif ini memberikan peluang kepada pengguna perkhidmatan kenderaan awam untuk menggunakan perkhidmatan ini melalui tempahan perkhidmatan bas dengan menggunakan aplikasi yang dijalankan tanpa jadual dan laluan yang tetap serta beroperasi di dalam zon yang diluluskan. Pelaksanaan POC ini bertujuan adalah untuk mengkaji keberkesanan perkhidmatan, menilai impak kepada perkhidmatan sedia ada (seperti bas berhenti-henti dan teksi) dan mengumpul maklumat tahap penggunaan perkhidmatan BOD dalam kalangan orang awam.

2. Bermula 5 September 2022, syarikat yang berminat boleh memajukan kertas cadangan berkenaan permohonan POC BOD kepada Unit Bas, Ibu Pejabat APAD atau melalui emel bod at apad dot gov dot my (bod@apad.gov.my). Syarikat yang memohon akan diberikan tarikh temujanji untuk membuat pembentangan konsep pelaksanaan, lokasi zon dan hentian yang terlibat serta aplikasi yang akan digunakan dalam perkhidmatan berkenaan. APAD akan menilai dan membuat pertimbangan ke atas kertas cadangan tersebut dan Surat Pemberitahuan akan dikeluarkan kepada syarikat bagi memaklumkan keputusan permohonan. Untuk makluman, pada masa ini terdapat beberapa syarikat yang telah menjalankan POC BOD yang melibatkan kawasan Bangsar, Ampang, Puchong dan Subang Jaya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN TAN HONG PIN
[BAKRI]**

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN TAN HONG PIN [BAKRI] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan jumlah pencerobohan kapal asing di Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia (2020 - 2023). Apakah kemajuan dan pendirian Malaysia dalam rundingan Kod Tatalaku (CoC) di Laut China Selatan antara ASEAN dan China untuk keamanan dan kestabilan serantau serta usaha Malaysia dalam menjamin kedaulatan di Kepulauan Spratly.

JAWAPAN

**YB DATUK MOHAMAD BIN ALAMIN
TIMBALAN MENTERI LUAR NEGERI
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bakri atas pertanyaan yang dikemukakan, dan di atas keprihatinan yang diberikan terhadap isu-isu di bawah seliaan Kementerian Luar Negeri, seperti isu-isu yang berkaitan dengan Laut China Selatan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sejak tahun 2020 sehingga 2023, pihak Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) telah mengesan sebanyak 8 buah kapal perang, 49 buah kapal penguatkuasa maritim serta 366 bot nelayan asing didapati menceroboh perairan negara.

3. Buat masa ini, negara-negara ASEAN dan China sedang merundingkan, Kod Tatalaku di Laut China Selatan, atau dengan izin, *Code of Conduct in the South China Sea* (COC). COC dilihat sebagai satu mekanisme tatacara untuk mengelakkan konflik dan ketegangan di Laut China Selatan. Kod ini dirunding tanpa prejudis terhadap tuntutan wilayah dan maritim negara masing-masing.

4. Rundingan COC tersebut sedang dilaksanakan oleh Negara-Negara Anggota ASEAN dan China menerusi platform, dengan izin, *ASEAN-China Joint Working Group on the Implementation of the DOC* (JWG-DOC), berdasarkan dengan izin, satu *Single Draft Negotiating Text* (SDNT) COC yang digunakan sebagai asas rundingan.

5. Dalam melaksanakan rundingan COC tersebut, Malaysia sentiasa memastikan bahawa COC yang akan dirundingkan tidak sekali-kali mengetepikan kedaulatan dan hak kepentingan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK AHMAD AMZAD BIN
MOHAMED@HASHIM
[KUALA TERENGGANU]
TARIKH : 07 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK AHMAD AMZAD BIN MOHAMED@HASHIM [KUALA TERENGGANU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah justifikasi pihak Kerajaan mengenai pengumuman berkenaan pengambilan pegawai Kerajaan secara kontrak sebelum memuktamadkan satu proses baharu lantikan penjawat awam.

JAWAPAN

**YB DR ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan Kerajaan dalam melaksanakan Kaedah Pengambilan Pegawai Perkhidmatan Awam secara Lantikan Kontrak (Interim) pada masa ini adalah merupakan langkah bersifat sementara sahaja, sementara proses ke arah memperkenalkan kaedah baharu lantikan tetap pegawai Perkhidmatan Awam dimuktamadkan.
2. Pegawai yang dilantik menerusi lantikan kontrak (interim) ini akan dilantik secara tetap menerusi kaedah baharu di bawah sistem saraan perkhidmatan awam yang akan dimuktamadkan kelak. Walau bagaimanapun, lantikan ke jawatan tetap ini juga tertakluk kepada prestasi dan perakuan Ketua Jabatan selanjutnya. Pelantikan ini adalah berdasarkan peraturan dan dasar semasa yang berkuat kuasa iaitu Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Urusan Perkhidmatan (UP), termasuk penetapan gaji dan kemudahan kepada pegawai yang dilantik.
3. Kaedah baharu lantikan tetap yang bakal diperkenalkan oleh Kerajaan merupakan langkah berimpak besar ke arah mencari penyelesaian jangka panjang terhadap isu peningkatan tanggungan pencen perkhidmatan awam. Langkah ini juga diambil untuk memastikan kelangsungan serta kemampuan fiskal negara dalam membiayai perbelanjaan yang berkaitan dengan emolumen dan faedah persaraan yang perlu dibayar kepada pegawai awam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
[GOMBAK]**

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI [GOMBAK] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan persediaan Kerajaan untuk menyemak semula Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan khusus bagi mengangkat peranan pentadbiran negeri demi menyuburkan dan merealisasikan prinsip federalisme yang lebih adil dan saksama. Adakah Kerajaan bersedia untuk bekerjasama dengan negeri-negeri agar tidak hanya bergantung kepada pendapatan cukai tanah.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kuasa perundangan bagi Badan Perundangan Negeri diperuntukkan di bawah Fasal (2) Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan ("PP") yang dibaca bersama dengan Senarai Negeri Jadual Kesembilan PP. Selain itu, PP turut memperuntukkan badan perundingan dan mekanisme (*consultative bodies and mechanisms*) yang bertujuan untuk menyeragamkan dasar Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam perkara-perkara tertentu yang menyentuh bidang kuasa serta kepentingan Kerajaan Negeri. Perkara ini dapat dilihat melalui penubuhan Majlis Kewangan Negara di bawah Perkara 108 PP, Majlis Tanah Negara ditubuhkan di bawah Perkara 91 PP dan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan ditubuhkan di bawah Perkara 95A PP.
2. Dalam mengeratkan kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, suatu mekanisme perundingan secara pentadbiran turut diwujudkan seperti Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri yang secara lazimnya bermesyuarat 3 kali setahun. Melalui peruntukan-peruntukan yang telah dinyatakan, adalah jelas bahawa pembahagian kuasa sedia ada bagi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan mampu untuk memastikan peranan pentadbiran negeri kekal kukuh dan tidak diganggu.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI
[KUALA KRAU]**

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI [KUALA KRAU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apa peranan Kementerian dalam memastikan cawangan D'MART di 201 FELDA seluruh negara dapat dihidupkan kembali.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebelum tahun 1968 iaitu semasa rancangan FELDA dibangunkan melalui kemasukan Peneroka FELDA melantik dua syarikat iaitu MCWS dan Mahawangsa untuk membekalkan barangan makanan dan keperluan harian kepada Peneroka. Ini adalah kerana kedudukan rancangan jauh dari bandar.

FELDA kemudiannya, menubuhkan bahagian kedai-kedai FELDA pada tahun 1968 (dibawah Ordinan Kemajuan Tanah 1956) untuk membekalkan barangan keperluan asas kepada Peneroka di rancangan FELDA.

Pada tahun 1972, bahagian kedai-kedai FELDA diperbadankan dengan nama Perbadanan Kedai Felda (PKF) dan ditukarkan kepada Perbadanan Niaga FELDA (PNF) pada tahun sama. PNF telah disyarikatkan pada 5 September 1995 di bawah Akta Syarikat 1965 dengan nama FELDA Trading Sdn Bhd. (FELDA Holdings 51% : Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) 49%).

Sehubungan cadangan *Management Buy Out* (MBO) oleh Pengurusan FELDA Trading Sdn Bhd pada tahun 2007, Lembaga KPF memutuskan untuk menjadikan FELDA Trading Sdn Bhd sebagai syarikat milik penuh KPF. Transaksi pengambilan 51% ekuiti FELDA Trading dibuat pada 1 Jun 2008.

Asas pengambilan adalah *sentimental value* di mana penubuhannya telah banyak membantu Peneroka dan kakitangan FELDA mendapatkan barangan perkhidmatan asas untuk tempoh sekian lama dan untuk masa depan kakitangan (rata-rata merupakan anak Peneroka) mungkin terjejas jika eksesais MBO dilaksanakan selepas

SOALAN NO : 22

pengambilan oleh KPF, namanya ditukarkan kepada KPF Trading Sdn Bhd.

KPF Trading Sdn Bhd kini mempunyai sebanyak 201 cawangan D'Mart dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 151 cawangan masih lagi beroperasi dalam skala yang kecil berbanding sebelum ini dengan menjual barangan utama sahaja kepada komuniti dan masyarakat setempat di rancangan FELDA, manakala 50 cawangan lagi ditutup operasinya pada penghujung 2022 berikutan masalah aliran tunai menyebabkan bekalan barangan tidak dapat disediakan.

Syarikat kini dalam proses memuktamadkan eksekusi menstruktur semula operasi D'Mart dengan model perniagaan baharu yang lebih sesuai dengan komuniti dan masyarakat setempat di rancangan FELDA untuk barangan runcit dan segar melalui kolaborasi/usaha sama dengan salah satu pemain industri runcit dan barangan segar di pasaran.

Perancangan dalam modus operandi yang terbaru adalah dengan memperkenalkan model perniagaan yang mensasarkan barangan runcit dan segar dengan harga yang kompetitif. Model perniagaan yang sebelum ini dipraktikkan adalah hanya tertumpu kepada barang runcit sahaja.

Pelaksanaan penstrukturan semula dan modal pusingan masih dalam perbincangan pihak pengurusan KPF Trading dan masih belum dimuktamadkan. Selain itu perbincangan juga melibatkan model perniagaan baru yang melibatkan usaha sama dengan pemain industri yang mampu memacu kejayaan dalam pengurusan yang lebih mampan dan kukuh.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN
[SRI GADING]
TARIKH : 07 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN [SRI GADING] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kemungkinan akan berlakunya penurunan produktiviti atau sektor awam menjadi kurang menarik jika tiada peningkatan gaji atau skim caruman KWSP untuk penjawat awam jika penghapusan skim pencen bakal dilaksanakan.

JAWAPAN

**YB DR ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara umumnya, sebarang cadangan kaedah baharu pelantikan secara tetap kelak tidak akan mengubah struktur saraan yang dinikmati oleh pegawai lantikan tetap dan berpencen sedia ada sekarang. Dalam hal ini, faedah persaraan bagi pegawai lantikan tetap yang baharu – *selepas pindaan kaedah pelantikan* – adalah berdasarkan kepada bentuk caruman kepada kumpulan wang yang ditentukan sedikit masa lagi.
2. Pegawai yang dilantik menerusi kaedah baharu kelak akan menerima gaji, elaun dan kemudahan sama seperti yang dinikmati oleh pegawai lantikan tetap dan berpencen sedia ada. Ini termasuk apa-apa elaun tetap seperti Imbuan Tetap Keraian (ITK) dan Imbuan Tetap Perumahan (ITP), serta elaun lain yang layak kepada skim perkhidmatan dan tugas tertentu.
3. Sehubungan itu, terkait dengan kaedah baharu lantikan tetap pegawai perkhidmatan awam, dijangka produktiviti pegawai awam tidak akan terjejas dengan pengenalan faedah persaraan baharu ini. Dalam masa yang sama, Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam yang sedang dijalankan turut mengambil kira aspek keupayaan perkhidmatan awam Malaysia menarik bakat terbaik negara untuk masuk dan berkhidmat dengan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI AHMAD BIN SAAD @
YAHAYA [POKOK SENAJ]
TARIKH : 07 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' HAJI AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA [POKOK SENAJ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan alasan di sebalik langkah Lembaga Pelesenan Eksais Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menarik balik larangan penjualan minuman keras di kedai runcit, serbaneka dan ubat Cina dan apakah status kuat kuasa garis panduan penjualan arak di Wilayah Persekutuan.

JAWAPAN

YB DR ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemansuhan larangan penjualan minuman keras di kedai runcit, serbaneka dan ubat cina adalah tidak tepat. Pertimbangan terhadap penjualan minuman keras di kedai runcit, serbaneka dan kedai ubat cina masih tertakluk kepada garis panduan yang berkuat kuasa dan zon guna tanah yang dibenarkan.
2. Lembaga Pelesenan Eksais Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, melalui kuasa yang diperuntukkan dan juga berdasarkan cadangan oleh mantan Menteri Wilayah Persekutuan sebelum ini, berpandangan

bahawa Kerajaan perlu membekukan pengeluaran lesen baharu penjualan arak sehingga satu (1) garis panduan dan semakan perundangan dapat dilakukan pada tahun 2020. Tindakan yang diambil adalah susulan berlakunya kes-kes kemalangan jalan raya yang dikaitkan dengan pemandu mabuk.

3. Namun demikian, garis panduan yang diwujudkan telah ditambah baik dari semasa ke semasa setelah melalui beberapa sesi konsultasi dan persetujuan mantan Menteri Wilayah Persekutuan ketika itu.

4. Selaras dengan pindaan Garis Panduan Lesen Minuman Keras (Runcit) yang dikuatkuasakan pada 20 Jun 2022, antara syarat kelulusan penjualan minuman keras di kedai runcit, kedai serbaneka dan kedai ubat cina adalah seperti yang berikut:

- (i) Penjualan minuman keras bagi kategori runcit di Kuala Lumpur hanya dibenarkan di dua (2) Zon Perdagangan sahaja iaitu Zon Perdagangan Pusat Bandaraya Utama (CCC) dan juga Zon Perdagangan Utama (MC); dan
- (ii) Penjualan minuman keras di dalam premis perniagaan yang berhadapan dan / atau dalam lingkungan jarak 100 meter dari Balai Polis, Rumah Ibadat, Sekolah, Hospital dan kawasan kediaman adalah tidak dibenarkan sama sekali.

5. Jumlah lesen yang diperbaharui dan mengikut garis panduan dan syarat-syarat penjualan minuman keras yang telah ditetapkan setakat akhir 2023 adalah sebanyak 1,542 lesen yang merangkumi kategori lesen rumah awam kelas 1, borong, dan runcit.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN
[BENTONG]**

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

YB PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN [BENTONG] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status terkini Persatuan Bomba Sukarela (PBS) di Parlimen Bentong:

- (a) jumlah PBS yang telah menerima elaun khas, peralatan, kelengkapan serta aset tambahan; dan
- (b) langkah-langkah bagi menaikkan kuota insuran kelompok bagi ahli-ahli PBS.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sentiasa peka terhadap pemerkasaan khidmat kebombaanan terutamanya melibatkan penglibatan komuniti setempat dalam aktiviti kesukarelawanan.

Sehingga kini, di daerah Bentong sahaja terdapat sebanyak enam (6) buah Pasukan Bomba Sukarela (PBS) yang telah ditubuhkan seperti senarai di bawah:

- i. PBS Kg Lebu;
- ii. PBS Perting;
- iii. PBS Simpang Pelangai;
- iv. PBS Manchis;
- v. PBS Telemong; dan
- vi. PBS Janda Baik.

Kerajaan telah menyalurkan bantuan kewangan berjumlah RM66,900 pada tahun 2023 kepada semua PBS di Parlimen Bentong dengan pecahan seperti berikut:

- i) geran bantuan kewangan sebanyak RM3,000.00 bagi setiap PBS dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM18,000; dan
- ii) Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) sebanyak RM300 kepada setiap ahli PBS yang layak berjumlah keseluruhan RM48,900.00.

Selain daripada bantuan kewangan, kesemua PBS tersebut turut dilengkapi dengan peralatan pemadaman seperti pam serta hos dan juga

SOALAN NO: 25

dibekalkan dengan kelengkapan *Personal Protective Equipment* (PPE) meliputi baju api, kasut api, sarung tangan keselamatan dan topi keselamatan. JBPM juga telah membekalkan kenderaan seperti *Volunteer Fire Response Vehicle* (VFRV) jenis Proton Arena dan juga Mitsubishi Triton kepada hampir semua PBS tersebut kecuali PBS Kg. Lebu yang masih tidak mempunyai kenderaan VFRV.

JBPM juga telah mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memastikan keperluan caruman insurans ditambah baik bermula tahun 2022 sehingga kini, seperti berikut:

- a) kenaikan perlindungan insurans kematian akibat kemalangan dari RM15,000.00 kepada RM20,000 seorang;
- b) kenaikan perlindungan keilatan kekal menyeluruh akibat kemalangan dari RM 15,000 kepada RM20,000 seorang;
- c) kenaikan perlindungan insurans kematian akibat penyakit semulajadi dari RM15,000.00 kepada RM17,000 seorang;
- d) kenaikan perlindungan keilatan kekal menyeluruh atau separa kekal akibat semulajadi dari RM15,000 kepada RM17,000 seorang;
- e) kenaikan perlindungan bagi penyakit kritikal akibat dari penyakit semulajadi dari RM7,500 kepada RM8,000;
- f) khairat kematian dari RM4,000.00 kepada RM5,000.00; dan
- g) tambahan manfaat baharu berkaitan perubatan akibat demam denggi sehingga RM1,000.00.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR
[KUANTAN]**

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR [KUANTAN] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan adakah pihak Kementerian akan meningkatkan kuota pengeluaran minyak masak bersubsidi susulan kebenaran pembelian turut diberikan kepada warga asing.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Secara umumnya, barang bersubsidi adalah untuk keperluan penduduk Malaysia. Keseluruhannya Kerajaan amat prihatin terhadap ketirisan, dan pada ketika ini mekanisme sedang dibangunkan untuk menyasarkan minyak masak bersubsidi kepada mereka yang layak membeli diperingkat runcit.

Pada masa ini Kerajaan bersetuju supaya kuota membungkus minyak masak paket bersubsidi dikekalkan pada kadar 60,000 tan sebulan setelah mengambil kira kemampuan kewangan untuk membiayai program subsidi ini.

Berdasarkan kepada pengiraan kuota yang 60,000 tan sebulan, jumlah kuota ini sepatutnya mencukupi untuk menampung keperluan penduduk di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN
[BANGI]**

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

YB TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan:

(a) status pembentangan RUU Sewaan Kediaman bagi melindungi penyewa dan pemilik hartanah; dan

(b) adakah RUU yang dicadangkan akan mengatasi aduan diskriminasi kaum terhadap bakal penyewa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Akta Sewaan Kediaman (*Residential Tenancy Act*, RTA) digubal bagi melindungi kepentingan serta hak penyewa dan pemilik kediaman, yang ketika ini hanya dilindungi melalui Akta Kontrak 1950 [Akta 136] yang bersifat umum dan tidak komprehensif. Cadangan penggubalan RTA telah pun dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 Jun 2021 dan telah mendapat kelulusan prinsip untuk penggubalan Rang Undang-undang (RUU) RTA.

Bagi tujuan penggubalan RUU RTA ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan meneruskan sesi libat urus bersama kerajaan negeri bagi memuktamadkan draf RUU ini khususnya dari aspek pelaksanaan dan pentadbiran Akta. Maklum balas dan pandangan yang diterima hasil daripada sesi libat urus akan diambil kira dalam menambah baik draf RUU ini agar kepentingan semua pihak terpelihara dan diberikan perhatian sewajarnya.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat juga, RUU RTA yang sedang digubal ini adalah bersifat neutral dan sebarang aktiviti sewaan kediaman yang dilaksanakan adalah tertakluk kepada persetujuan kedua-dua pihak yang terlibat. RUU RTA ini turut menjelaskan hak dan kewajipan pemilik kediaman dan penyewa serta menyediakan mekanisme penyelesaian sekiranya wujud sebarang pertikaian dalam aktiviti sewaan kediaman.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN JAN
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK WAN SAIFULRUDDIN BIN WAN JAN [TASEK GELUGOR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah laporan polis telah dibuat dan apa tindakan Kerajaan berkaitan kebocoran maklumat kepada media melalui 'sumber' yang sering berlaku di SPRM kerana ini menimbulkan persoalan mengenai integriti SPRM sendiri.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bersedia menyiasat apa-apa dakwaan pihak tertentu sekiranya ada mana-mana pegawai SPRM yang membocorkan maklumat kepada media atau mana-mana pihak. Berdasarkan rekod SPRM, belum ada laporan polis yang dibuat berhubung perkara ini kerana dakwaan tersebut adalah terlalu umum.

2. Dalam menjalankan sesuatu penyiasatan di SPRM, banyak pihak akan terlibat dalam proses siasatan atas kapasiti sebagai suspek, saksi, pihak mahkamah, peguam dan pemberita semasa proses permohonan reman dibuat. Siasatan SPRM dimana-mana premis juga sering menjadi perhatian umum, justeru pelbagai pihak yang berkenaan semasa penyiasatan tersebut berlaku juga mempunyai pengetahuan berkaitan siasatan tersebut. Oleh yang demikian adalah agak sukar untuk mengesahkan atau menuduh mana-mana pihak sebagai terlibat dalam apa-apa pembocoran maklumat berkaitan dengan sesuatu siasatan.

3. Pegawai SPRM sudah semestinya akan mengawal segala maklumat yang berkait dengan sesuatu penyiasatan bagi mengelakkan maklumat tersebut terdedah kepada pihak yang tidak berkaitan dan boleh menjejaskan siasatan yang sedang dijalankan.

4. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi kes-kes salah laku yang tidak bersifat jenayah terhadap pegawai-pegawai SPRM, ianya akan dirujuk kepada Jawatankuasa Aduan yang ditubuhkan di bawah seksyen 15 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia [Akta 694]. Bagi kes-kes jenayah yang melibatkan pegawai-pegawai, ianya akan dilaporkan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM). Manakala kes-kes berkaitan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan akan disiasat oleh SPRM kerana ianya adalah di bawah bidang kuasa SPRM.

5. Dalam hal ini, SPRM memberi jaminan akan menjalankan siasatan secara profesional, telus dan adil bagi memastikan tiada pihak teraniaya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
[GOMBAK]
TARIKH : 07 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI [GOMBAK] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan untuk bekerjasama menubuhkan Lembah Klang Raya di negeri Selangor. Adakah Kerajaan dapat memberikan kelulusan Zon Ekonomi Khas bagi Lembah Klang Raya sekiranya menepati kriteria yang diperlukan.

JAWAPAN

YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan mengambil maklum dengan cadangan penubuhan Lembah Klang Raya sebagai Zon Ekonomi Khas (*Special Economic Zone – SEZ*). Pada masa ini, tiada sebarang perancangan khusus berkenaan cadangan penubuhan Lembah Klang Raya sebagai SEZ. Walau bagaimanapun, Kerajaan tiada halangan untuk meneliti dan meneroka cadangan penubuhan Lembah Klang Raya sebagai SEZ pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' KHLIR BIN MOHD NOR (KETEREH)

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan inisiatif Kementerian Pertahanan untuk memperkasakan Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) supaya dapat memudahkan penyaluran bantuan kepada warga veteran ATM.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam memastikan perkhidmatan Jabatan Hal Ehwal Veteran Angkatan Tentera Malaysia (JHEV ATM) terutamanya dalam aspek penyaluran bantuan-bantuan kebajikan dan program peningkatan sosioekonomi kepada veteran ATM dapat disampaikan dengan berkesan, adalah penting supaya agensi pemberi bantuan tersebut dapat diperkasakan supaya mencapai visi dan misi penubuhannya.

2. Bagi tujuan tersebut, Kementerian Pertahanan menyokong usaha pemerkasaan JHEV ATM berdasarkan kerangka “**FIRST**” iaitu sumber kewangan yang mencukupi untuk Jabatan melaksanakan fungsinya (*Funding*), kemudahan infrastruktur yang sesuai, mencukupi dan berkualiti (*Infrastructure*), pemantapan Peraturan dan Dasar (*Rules & Policy*), sumber manusia yang mencukupi dan kompeten (*Skills & Talents*) dan kemajuan teknologi yang mesra pengguna, pantas dan berkesan (*Technolgy*).

3. Kementerian ini terus komited menyediakan peruntukan kewangan tahunan yang mencukupi khususnya untuk bantuan kebajikan veteran ATM. Aspek kebajikan veteran ATM turut dijadikan sebagai salah satu teras khusus dalam Pelan Strategik Kementerian Pertahanan dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Menteri Pertahanan.

4. Sudah pasti, usaha pemerkasaan JHEV ATM ini tidak akan dapat dicapai dalam jangka masa pendek dan melibatkan sumber-sumber yang diperlukan dalam tempoh tertentu. Sehubungan itu, Kementerian ini mengharapkan sokongan daripada Agensi Pusat khususnya JPA dan Kementerian Kewangan dalam usaha pemerkasaan JHEV ATM terutamanya aspek sumber manusia dan peruntukan kewangan agar lebih mampan khusus untuk menjaga kesejahteraan veteran ATM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : KOMANDER NORDIN BIN AHMAD ISMAIL
TLDM (BERSARA) [LUMUT]**

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

KOMANDER NORDIN BIN AHMAD ISMAIL TLDM (BERSARA) [LUMUT] minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan jumlah dan senaraikan lima (5) sebab utama anggota tentera ditamatkan perkhidmatan dari tahun 2020 hingga 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Berdasarkan rekod Kementerian, jumlah anggota tentera yang ditamatkan perkhidmatan/pemberhentian kerja dari tahun 2020 hingga 2024 ialah seramai 27,254 orang. Pecahan bilangan anggota tentera yang menamatkan perkhidmatan berdasarkan sebab-sebab pemberhentian adalah seperti berikut:

- | | |
|---|------------------|
| i. Genap Tempoh Perkhidmatan (Berpencen) | - 18,664 orang; |
| ii. Genap Tempoh Perkhidmatan (Tidak Berpencen) | - 3,683 orang; |
| iii. Tatatertib/Disiplin/Salahlaku | - 3,545 orang; |
| iv. Ketidakesesuaian/ Ketidakcekapan | - 740 orang; |
| v. Faktor Kesihatan | - 169 orang; dan |
| vi. Meninggal Dunia | - 453 orang. |

2. Kesemua pemberhentian ini adalah berdasarkan kepada Peraturan-Peraturan Angkatan Tentera (Terma-Terma Perkhidmatan bagi Angkatan Tetap) 2013 dan Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA
(POKOK SENA)**

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

YB DATO' AHMAD BIN SAAD @ YAHAYA [POKOK SENA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah bagi mengekang penyebaran Islam liberal yang berselindung di sebalik program wacana dan dialog.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa memberi perhatian terhadap penyebaran sebarang ajaran yang menyeleweng dan ideologi yang bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah termasuk Islam liberal.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-74 yang bersidang pada 25 - 27 Julai 2006 telah membincangkan Aliran Pemikiran Liberal: Hukum dan Implikasinya kepada Islam di Malaysia. Muzakarah telah memutuskan bahawa gerakan pemikiran liberal mengandungi fahaman-fahaman yang didapati menyeleweng dari aspek akidah dan syariah.

NO. SOALAN : 32

3. Beberapa negeri turut memfatwakan ajaran Islam Liberal bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wajl Jamaah yang menjadi aliran arus perdana umat Islam di Malaysia.

4. Dalam usaha mengekang penyebaran Islam liberal yang berselindung di sebalik program wacana dan dialog, agensi kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri akan terus bekerjasama bagi memastikan penganjuran wacana dan dialong tidak akan melibatkan individu yang mendokong fahaman Islam liberal. Semua pihak disarankan agar merujuk kepada pihak berkuasa agama bagi memastikan panel yang dijemput telah memperolehi tauliah mengajar daripada Pejabat Mufti negeri-negeri agar tapisan awal dapat dilaksanakan.

5. Selain itu, pihak JAKIM dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri dan Jabatan Mufti Negeri-negeri sentiasa melaksanakan program penjelasan kepada kumpulan sasaran dalam pelbagai forum bagi membendung gejala liberal ini daripada terus berleluasa.

6. Kerajaan juga akan terus melaksanakan langkah jangka panjang dengan mengukuhkan kurikulum pendidikan Islam secara formal dan informal dalam insituti pendidikan di Malaysia dan memperkemas undang-undang berkaitan bagi mencegah penyebaran agenda liberal terhadap masyarakat Islam. Selain itu, pendidikan Islam secara tidak formal sentiasa diperluaskan melalui media sosial dan pengisian program-program di masjid serta surau yang lebih tersusun.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN
MOKHTAR [KEMAMAN]
TARIKH : 07 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR [KEMAMAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan implikasi kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan disebabkan oleh keputusan secara selamenyela (*flip flop*) berhubung pemansuhan dan penubuhan semula Kementerian Wilayah dan jelaskan justifikasi keputusan tersebut dilakukan.

JAWAPAN

**YB DR ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembentukan Kerajaan pasca Pilihanraya Umum ke-15 menyaksikan fungsi Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan dinamakan semula sebagai Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP). JWP kekal bertanggungjawab menjaga kepentingan pembangunan dan kesejahteraan warga kota Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.
2. Susulan penyusunan semula barisan Jemaah Menteri pada 12 Disember 2023, JWP kini adalah di bawah tanggungjawab Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan). Implikasi kos tidak berbangkit kerana KWP tidak ditubuhkan semula. Keputusan mengekalkan JWP di Jabatan Perdana Menteri dan dilantik seorang Menteri bagi menyelia JWP dan agensinya adalah bagi mengukuhkan pengurusan Wilayah Persekutuan dalam aspek perancangan, penyelarasan, pemantauan dan penetapan dasar-dasar oleh Jabatan Wilayah Persekutuan agar lebih teratur serta telus sebagaimana hasrat yang dinyatakan oleh Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN
(SUBANG)**

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

YB TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI menyatakan status terkini kod etika dan tadbir urus bagi Kecerdasan Buatan (AI) dan bagaimana ia selari dengan National Artificial Intelligence (AI) Roadmap 2021-2025.

DRAF JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, garis panduan governan dan kod etika bagi Kecerdasan Buatan (AI) sedang memasuki fasa akhir pembangunan dan status pencapaian adalah 90%. Garis panduan ini dibangunkan khusus untuk tiga kategori utama iaitu pengguna dan orang awam, penggubal polisi, dan juga penyedia/pembangun teknologi berasaskan AI. Secara umumnya, ia menerangkan bagaimana Tujuh Prinsip AI yang Bertanggungjawab dapat diterjemah dan diterapkan oleh ketiga-tiga kategori utama. Pematuhan kepada garis panduan ini dapat memastikan penggunaan AI yang beretika dan selamat.

Terkini, sesi konsultasi awam sedang dilaksanakan dengan Malaysia Productivity Corporation (MPC) melalui portal *Unified Public Consultation* (UPC). Dokumen garis panduan tersebut sedang diedarkan untuk konsultansi awam sehingga 8 Mac 2024. Tujuan sesi ini adalah untuk mendapatkan pandangan daripada orang awam ke atas draf dokumen bagi tujuan penambahbaikan garis panduan tersebut sebelum dimuktamadkan. Minima tempoh konsultansi awam adalah selama dua minggu. Mengikut garis masa pembangunan, dokumen garis panduan governan dan kod etika ini akan dibentangkan di Kabinet pada bulan Mac 2024 sebelum dilancarkan pada bulan April 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' MOHD ISAM BIN MOHD ISA [TAMPIN]

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

YB DATO' MOHD ISAM BIN MOHD ISA [TAMPIN] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perancangan jangka pendek dan panjang untuk menangani masalah lambakan operasi perniagaan tanpa kebenaran oleh warga asing di seluruh negara yang kian menular dan menjejaskan para peniaga tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa komited menjalinkan kerjasama yang konstruktif dan aktif dengan Kementerian lain dalam memudah cara dan menyokong usaha penguatkuasaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terhadap isu penyalahgunaan premis atau lesen perniagaan di kawasan pentadbiran PBT terutamanya yang melibatkan warga asing.

KPKT melalui PBT melaksanakan operasi penguatkuasaan lesen/ permit yang merupakan keperluan jangka pendek buat masa ini bagi menangani isu yang ketara berleluasa ini melalui pemantauan secara berterusan:

- i. pemantauan secara berkala ke atas premis-premis perniagaan dan penjaja di kawasan PBT terutamanya yang menjadi tumpuan warga asing;
- ii. membuat sitaan dan rampasan barangan penjaja warga asing yang didapati menjalankan perniagaan secara haram; dan
- iii. menjalankan operasi bersepadu secara pendekatan '*whole of government*' bersama-sama agensi penguatkuasaan lain seperti Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) memandangkan sebarang tindakan penahanan warga asing atau Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) adalah di bawah bidang kuasa dan pengurusan kedua-dua jabatan tersebut kerana bidang kuasa PBT yang terhad kepada pemeriksaan lesen premis dan perniagaan sahaja.

Selain itu, kerajaan negeri juga proaktif memainkan peranan dalam menyelaras pengurusan pelesenan perniagaan di peringkat PBT masing-masing dengan memperketat syarat permohonan baharu dan pembaharuan lesen perniagaan PBT bagi mengekang monopoli perniagaan oleh warga asing.

SOALAN NO : 35

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat juga, PBT tidak pernah mengeluarkan kelulusan kepada mana-mana warga asing untuk memohon/ memiliki lesen penjaja, peniaga kecil, premis perniagaan, kedai runcit, kedai makan, bengkel kereta dan di pasar-pasar, selaras dengan Undang-Undang Kecil (UUK) Penjaja dan UUK Tred, Perniagaan dan Perindustrian.

Di bawah UUK Penjaja, PBT tidak mengiktiraf dan membenarkan warga asing sebagai penjaja dan peniaga kecil. Malah, PBT juga tidak membenarkan penggajian warga asing sebagai pekerja/ pembantu bagi lesen penjaja dalam premis PBT. Ini kerana kadar harga sewaan premis yang ditetapkan oleh PBT adalah di bawah harga pasaran dan bertujuan untuk memberikan peluang perniagaan dan pekerjaan kepada rakyat tempatan.

Di bawah UUK Tred, Perniagaan dan Perindustrian pula, lesen perniagaan hanya dikeluarkan untuk warganegara Malaysia sahaja dan membenarkan warga asing diambil bekerja sebagai pekerja/ pembantu dengan syarat memiliki pas kerja/ permit dagang yang sah. PBT tidak akan berkompromi dengan sebarang pelanggaran yang jelas terhadap syarat-syarat lesen yang telah dikeluarkan oleh mana-mana perniagaan dan pemegang lesen dengan mengambil tindakan tegas secara tindakan sitaan, kompaun, penutupan premis dan pembatalan lesen.

PBT telah melaksanakan sebanyak 1,836 operasi penguatkuasaan terhadap premis perniagaan yang melibatkan warga asing bagi tahun 2022 sehingga 15 Februari 2024. Sehingga kini, sebanyak 26,108 lesen peniaga telah dibatalkan atas sebab pelanggaran syarat-syarat lesen/premis yang dibuat oleh PBT. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 384 lesen peniaga tempatan telah dibatalkan atas sebab menyewakan lesen kepada warga asing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK AHMAD AMZAD BIN
MOHAMED@HASHIM [KUALA TERENGGANU]**

TARIKH : 07 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

**DATUK AHMAD AMZAD BIN MOHAMED@HASHIM
[KUALA TERENGGANU] minta PERDANA MENTERI menyatakan:**

- (a) perancangan baharu Kerajaan untuk menggantikan sistem pencen sedia ada; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk menaikkan gaji penjawat awam berikutan pemansuhan skim pencen.

JAWAPAN

**YB DR ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, skim pencen sedia ada bagi pegawai yang sedang berkhidmat dan pesara sedia ada akan diteruskan. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedang mengkaji sistem saraan baharu bagi mengoptimumkan pengambilan dan pengisian jawatan dalam perkhidmatan awam memandangkan bebanan tanggungan pencen yang semakin meningkat setiap tahun. Ini adalah bagi memastikan Kerajaan dapat menguruskan perbelanjaan kewangan negara dengan lebih mampan. Dalam hal ini, keperluan pindaan kepada kesemua peruntukan undang-undang yang berkaitan bagi tujuan kaedah pelantikan baharu penjawat awam sedang diteliti sewajarnya.
2. Secara umumnya, walau apa pun cadangan kaedah baharu pelantikan secara tetap kelak tidak akan mengubah struktur saraan yang dinikmati oleh pegawai lantikan tetap dan berpencen sedia ada. Dalam hal ini, faedah persaraan bagi pegawai lantikan tetap yang baharu adalah berdasarkan kepada caruman kepada kumpulan wang yang akan ditentukan dalam sedikit masa lagi.
3. Dalam hubungan ini, salah satu (1) daripada strategi pelaksanaan Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam adalah mencari kaedah untuk meningkatkan pendapatan boleh guna penjawat awam di mana penyelarasan struktur saraan merupakan salah satu inisiatif di bawah strategi tersebut.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO HENRY SUM AGONG [LAWAS]
TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO HENRY SUM AGONG [LAWAS] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bila akan diadakan tempat kemudahan perkhidmatan pemeriksaan berkala kenderaan motor untuk Puspakom di Lawas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, PUSPAKOM menawarkan perkhidmatan pemeriksaan berkala melalui van bergerak (*Mobile Unit*) di Bahagian Lawas. Ia mengambil kira jumlah kenderaan motor dan permintaan perkhidmatan pemeriksaan yang rendah di Bahagian Lawas.
2. Namun, cadangan pembukaan pusat pemeriksaan yang tetap akan dikaji dari masa ke semasa dan akan dipertimbangkan sekiranya terdapat keperluan pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD
[KEPALA BATAS]**

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

**DR. SITI MASTURA BINTI MUHAMMAD [KEPALA BATAS] minta
MENTERI KOMUNIKASI menyatakan:**

- (a) langkah-langkah diambil oleh Kementerian atau pertubuhan bukan Kerajaan untuk memberi kesedaran awam kepada remaja penggunaan media sosial secara berhemah; dan
- (b) tindakan kementerian dalam menyekat iklan di media sosial yang berbaur lucah dan *scammer* yang kian berleluasa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi komited melaksanakan perkongsian maklumat dalam memberi kesedaran dan pendidikan kepada masyarakat terutama remaja agar sentiasa bertanggungjawab apabila menggunakan media sosial. Antara usaha yang telah dilaksanakan ialah melalui langkah advokasi dan kesedaran seperti program Klik Dengan Bijak (KDB) di sekolah-sekolah menengah dan Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NaDi) [sebelum ini dikenali sebagai Pusat Ekonomi Digital (PEDI)] di seluruh negara oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

Guru-guru sekolah turut dilatih melalui inisiatif Sukarelawan ICT Malaysia [*Malaysia ICT Volunteer (MIV)*] untuk mendidik dan memberi pendedahan kepada pelajar mengenai keselamatan ketika menggunakan internet dan aplikasi media sosial. Selain itu, pemerksaan ibu bapa dan penjaga juga dibuat melalui modul keibubapaan digital (*digital parenting*) KDB mengenai perlindungan kanak-kanak. MCMC turut bekerjasama dengan kementerian dan organisasi lain termasuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Majlis Belia Malaysia untuk meluaskan skop audiens KDB dan MIV;

Kementerian Komunikasi turut menghasilkan dan menghebahkan kandungan kreatif untuk mendidik dan memberi kesedaran kepada masyarakat terutama golongan remaja ketika menggunakan media sosial sebagai sumber mendapatkan maklumat. Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) membuat hebahan mengenai etika penggunaan media sosial secara positif dan perkongsian maklumat sahih. Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) dan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) sentiasa mengulang siar mesej kesedaran dan nasihat kepada golongan remaja untuk menghindari aktiviti penyalahgunaan media sosial dalam bentuk kapsul, video pendek, Pesanan Khidmat Awam (PKA) dan infografik serta melalui laporan berita.

SOALAN NO: 38

Berkaitan tindakan sekatan iklan di media sosial yang berunsurkan lucah dan penipuan (*scam*), MCMC telah menurunkan 709 kandungan berunsur lucah di platform media sosial bagi tempoh 1 Januari 2023 sehingga 15 Februari 2024. Tindakan ini akan diteruskan oleh MCMC berasaskan pemantauan dan aduan yang diterima daripada orang awam. Selain itu, MCMC juga telah mengambil tindakan-tindakan berikut:

- (i) menyekat 2.9 bilion panggilan yang meragukan bagi tempoh 2018 sehinggalah 31 Disember 2023;
- (ii) menyekat 1.3 bilion Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) yang tidak diminta (*unsolicited SMS*) bagi tempoh 2021 sehingga 31 Disember 2023; dan
- (iii) menamatkan perkhidmatan bagi 257,301 talian termasuk talian mudah alih dan tetap yang menghantar SMS meragukan bagi tempoh 2021 sehingga 31 Disember 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah garis panduan yang boleh diguna pakai untuk menyekat individu dalam penggunaan media sosial yang melibatkan *TikTok* dan Facebook.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak penyedia platform media sosial seperti *TikTok* dan *Facebook* masing-masing mempunyai garis panduan berkenaan kandungan yang tidak dibenarkan di platform mereka di mana pelanggaran kepada garis panduan tersebut akan mengakibatkan akaun pengguna disekat.

Secara amnya, contoh kandungan yang boleh mengakibatkan tindakan sekatan oleh penyedia platform media sosial adalah tingkah laku ganas dan aktiviti jenayah, ucapan benci, eksploitasi dan penderaan belia, eksploitasi seksual dan keganasan berasaskan jantina, eksploitasi manusia, buli dan gangguan, mencederakan diri sendiri, dan lain-lain.

Penggunaan kandungan dalam talian di Malaysia juga tertakluk kepada undang-undang sedia ada. Oleh itu, apa yang salah di luar talian tetap salah di dalam talian. Bidang kuasa semua agensi penguatkuasa undang-undang meliputi aktiviti di dalam talian di mana amalan pengawalseliaan bersama dilaksanakan. Sekatan akses kepada laman-laman sesawang dilakukan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) melalui punca kuasa di bawah Seksyen 263 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588], dalam mencegah pelakuan atau pelakuan kesalahan di bawah peruntukan undang-undang yang berkenaan.

Kementerian Komunikasi menerusi MCMC telah menjalankan beberapa sesi libat urus dengan pihak penyedia platform media sosial utama seperti *TikTok*, *Facebook*, *Instagram*, *X*, *YouTube* dan lain-lain, bagi membuka laluan kerjasama dengan agensi penguatkuasaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB
[PARIT]**

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

YB TUAN MUHAMMAD ISMI BIN MAT TAIB [PARIT] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Kementerian bagi mempertingkatkan mutu perkhidmatan pengurusan sisa pepejal di semua pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sangat mengambil berat terhadap aspek kebersihan persekitaran dan telah membangunkan Dasar Kebersihan Negara (DKN) yang berteraskan kepada lima (5) kluster, 14 strategi dan 91 pelan tindakan sebagai rujukan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk meningkatkan mutu perkhidmatan pengurusan sisa pepejal di seluruh Malaysia. Pada masa kini, perkhidmatan pengurusan sisa pepejal bagi tujuh (7) negeri iaitu Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Kedah, Perlis dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dikawal selia di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672] manakala negeri-negeri lain adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

SOALAN NO : 40

Bagi meningkatkan mutu perkhidmatan di negeri-negeri yang menerima pakai Akta 672, KPKT bertanggungjawab melaksanakan perkhidmatan kutipan sisa pepejal, pembekalan tong yang mencukupi dan pembersihan awam di kawasan-kawasan yang diserahkan oleh PBT melalui perkhidmatan oleh syarikat konsesi yang dilantik oleh Kerajaan. Kualiti perkhidmatan syarikat-syarikat konsesi ini dipantau dan dikawal selia sepenuhnya oleh satu Badan Berkanun Persekutuan. Pemantauan yang teliti telah dibuat ke atas perkhidmatan syarikat konsesi ini melalui pematuhan *Key Performance Index* (KPI) yang telah ditetapkan.

Selain itu, KPKT juga merancang untuk menutup selamat semua tapak pelupusan tidak sanitari secara berfasa dan akan menaik taraf tapak pelupusan terbuka kepada tapak pelupusan sanitari bagi mengelakkan pencemaran alam sekitar hasil daripada operasi tapak pelupusan. KPKT juga merancang untuk membangunkan lebih banyak loji *Waste to Energy* (WTE) bagi meningkatkan mutu perkhidmatan pengurusan pepejal agar lebih mampan.

Bagi negeri-negeri yang tidak menerima pakai Akta 672 pula, pelan tindakan yang disenaraikan dalam DKN sewajarnya boleh dijadikan panduan dalam meningkatkan mutu perkhidmatan pengurusan sisa pepejal di peringkat PBT. Dari aspek pelaksanaan program komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam (CEPA), KPKT telah menyediakan peruntukan Program DKN pada tahun 2024 kepada pihak PBN dan PBT untuk membantu PBT yang terpilih memperkasakan program CEPA di peringkat PBT.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN
BANDY [KALABAKAN]**

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN BANDY [KALABAKAN] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah reaksi Malaysia di peringkat global terhadap tindakan beberapa buah negara yang bertindak menggantung pembiayaan terhadap Agensi Bantuan dan Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian Palestin (UNRWA) sehingga mengakibatkan operasi bantuan kemanusiaan di Gaza terhenti.

JAWAPAN

**YB DATUK MOHAMAD BIN ALAMIN
TIMBALAN MENTERI LUAR NEGERI
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Kalabakan** atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sepertimana yang telah dijelaskan kepada Dewan yang mulia ini, Malaysia kekal dengan pendekatan berprinsip iaitu menyokong pengembalian hak mutlak bebas kepada rakyat Palestin daripada

pendudukan haram Israel, pengembalian hak tanah yang telah dirampas dan hak pembentukan sebuah negara Palestin yang merdeka dan berdaulat berdasarkan garis sempadan pra-1967, dengan Baitul Maqdis Timur sebagai ibu negara dan diterima sebagai anggota penuh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

3. Pendirian Malaysia ini bukan sahaja bermula pada 7 Oktober 2023 tetapi ia bertitik tolak kepada perjuangan Palestin yang ditindas oleh rejim Israel sejak 75 tahun yang lalu. Malaysia akan terus lantang dalam menyuarakan enam tuntutan utama iaitu:

- i. Gencatan senjata serta-merta dan bantuan kemanusiaan segera;
- ii. Menghentikan aktiviti penempatan oleh Israel dan tindakan keganasan penduduk haram (atau dengan izin, *settler*);
- iii. Menghentikan serta-merta pemindahan orang awam Palestin secara paksa;
- iv. Siasatan ke atas semua pelanggaran undang-undang antarabangsa melalui institusi perundangan antarabangsa;
- v. Menyokong Inisiatif Keamanan Arab dan rundingan Penyelesaian Dua Negara berdasarkan garis sempadan pra-1967; dan
- vi. Memerangi peningkatan global dalam Islamofobia.

4. Jelas terlihat bahawa Malaysia sentiasa konsisten dalam tindakan memperjuangkan hak-hak asasi Palestin termasuk mengeluarkan kenyataan dalam mesyuarat-mesyuarat dua hala dan pelbagai hala seperti di PBB, Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) dan mana-mana platform dua hala dan pelbagai hala (atau dengan izin, *multilateral*) bagi memperjuangkan isu Palestin.

5. Baru-baru ini, Kementerian Luar Negeri (KLN) yang diketuai oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri bersama-sama dengan Ahli Parlimen Ledang, Sik, Kalabakan dan Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hattta Md. Ramli telah menjejakkan kaki di bumi Rafah bagi memperlihatkan keadaan sebenar kepada dunia, sokongan Malaysia

kepada Palestin dan menzahirkan komitmen berterusan negara dalam menghulurkan bantuan kemanusiaan berterusan tanpa henti kepada Palestin.

Tuan Yang di-Pertua,

Peranan Malaysia Dalam Memperjuangkan Hak Rakyat Palestin di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (*International Court of Justice – ICJ*)

6. Malaysia juga dengan lantang menggesa masyarakat antarabangsa untuk mengheret Israel ke muka pengadilan atas kekejaman dan tindakan tidak berperikemanusiaan tentera Israel ke atas rakyat Palestin terutama sekali wanita dan kanak-kanak. Atas prinsip ini, Malaysia memberikan sokongan penuh kepada usaha Afrika Selatan untuk mengheret Israel ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada 29 Disember 2023, berhubung pencabulan Israel terhadap kewajipannya di bawah Konvensyen Genosid 1948.

7. Gesaan Malaysia untuk membawa Israel ke muka pengadilan disuarakan di platform-platform antarabangsa terutama sekali di Sidang Kemuncak Tergempar OIC di Riyadh (11 November 2023); Majlis Hak Asasi Manusia di Geneva (12 Disember 2023); Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (*Non-Aligned Movement – NAM*) Ke-19 di Kampala, Uganda (19 -20 Januari 2024); *Third South Summit* di Kampala, Uganda (21-22 Januari 2024); Majlis Keselamatan PBB di New York (23 Januari 2024); dan Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Negeri ASEAN-Kesatuan Eropah Ke-24 dan Forum Menteri Indo-Pasifik Kesatuan Eropah Ke-3 di Brussels (2 Februari 2024).

8. Selain itu, Malaysia juga terlibat aktif dalam prosiding bagi mendapatkan Pendapat Nasihat ICJ berkaitan Kesan Perundangan yang timbul daripada Dasar dan Amalan Israel di Wilayah Pendudukan Palestin, termasuk Baitul Maqdis Timur. Prosiding bagi mendapatkan Pendapat Nasihat ICJ ini adalah terhasil daripada Resolusi 77/247 Perhimpunan Agung PBB yang telah diterima pakai pada 30 Disember 2022, dan ditaja bersama oleh Malaysia.

SOALAN NO : 41

9. Malaysia telah mengambil bahagian dalam prosiding Pendapat Nasihat ini dengan mengemukakan Kenyataan Bertulis yang telah diserahkan kepada Pendaftar ICJ pada 25 Julai 2023 yang lalu. Antara perkara yang dinyatakan dalam Kenyataan Bertulis Malaysia adalah hujahan berkaitan dasar dan tindakan Israel, termasuklah Pendudukan (*occupation*) berterusan, aktiviti penempatan (*settlement*) dan pengilhakan (*annexation*) di dalam Wilayah Pendudukan Palestin, yang melanggar hak rakyat Palestin untuk penentuan nasib sendiri (*self-determination*). Kenyataan tersebut juga menegaskan bahawa tindakan Pendudukan Israel di Wilayah Pendudukan Palestin adalah haram dan bertentangan dengan undang-undang antarabangsa.

10. Susulan daripada itu, Malaysia juga telah menyertai sesi Pendengaran Awam yang berlangsung dari 19 hingga 26 Februari 2024 di Peace Palace, The Hague. Menteri Luar Negeri, YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan, telah membentangkan Kenyataan Lisan Malaysia di Sesi Pendengaran Awam tersebut pada 22 Februari 2024. Kenyataan Lisan tersebut merupakan kesinambungan daripada hujahan yang telah dikemukakan dalam Kenyataan Bertulis Malaysia.

11. Kenyataan Lisan Malaysia, antara lain, menekankan bahawa setiap dasar dan tindakan Israel, termasuklah pembinaan tembok di Wilayah Pendudukan Palestin, pembinaan penempatan, pemusnahan tempat tinggal, pemindahan semula secara paksa dan kawalan ke atas sumber alam, telah melanggar hak penentuan nasib sendiri rakyat Palestin di bawah undang-undang antarabangsa.

12. Selain itu, Malaysia menegaskan bahawa Pendudukan Israel tersebut adalah haram dan menggesa Israel untuk serta-merta menghentikan segala polisi dan tindakan mereka yang melanggar undang-undang antarabangsa, serta menarik diri dari Wilayah Pendudukan Palestin, termasuk Baitul Maqdis Timur.

13. Malaysia turut menggesa semua negara untuk bekerjasama dalam menoktahkan pelanggaran undang-undang berterusan oleh Israel dan

menekankan kewajiban PBB untuk terus melaksanakan tanggungjawabnya terhadap isu Palestin.

14. Penyertaan dalam prosiding bagi mendapatkan Pendapat Nasihat ICJ ini adalah penting bagi Malaysia untuk berganding bahu bersama-sama negara sepemikiran dalam mempertahankan hak kemanusiaan Palestin, di samping memperjuangkan supaya Palestin mendapat Negara yang merdeka dan berdaulat, berdasarkan sempadan pra-1967, dengan Baitul Maqdis Timur sebagai ibu negara Palestin.

Usaha Malaysia membantu Negara Palestin menjadi Anggota Penuh PBB

15. Malaysia sejak sekian lama telah menyokong penubuhan Negara Palestin yang bebas dan merdeka, serta menyokong hasrat Palestin untuk menjadi Negara Anggota PBB. Baru-baru ini, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri semasa menyampaikan Kenyataan Negara di Majlis Keselamatan PBB mengenai Situasi di Timur Tengah termasuk Isu Palestin, pada 23 Januari 2024, telah menggesa Majlis Keselamatan PBB untuk menerima Palestin sebagai Negara Anggota Penuh PBB.

16. Yang Berhormat Menteri Luar Negeri telah secara konsisten menyampaikan pendirian Malaysia yang jelas ini di setiap pertemuan dua hala dengan pemimpin-pemimpin dunia lain, dan menekankan kepentingan bagi negara-negara kuasa besar untuk memberikan kepimpinan politik serta moral dalam mencari jalan penyelesaian kepada konflik Palestin.

17. Pada 17 Januari 2024, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan Kempen Kiriman Poskad Khas kepada Setiausaha Agung PBB sebagai tanda simbolik solidariti rakyat Malaysia bagi menyuarakan aspirasi rakyat Malaysia menuntut keadilan dan keamanan di Palestin. Lanjutan itu, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri juga telah menyerahkan koleksi poskad yang ditandatangani oleh barisan Jemaah Menteri kepada Setiausaha Agung PBB, TYT António Guterres, yang menggesa Palestin diterima sebagai Negara Anggota Penuh PBB.

SOALAN NO : 41

18. Malaysia percaya penerimaan Palestin sebagai anggota penuh akan membantu mencapai solusi jangka panjang, dan mewujudkan sebuah Negara Palestin yang aman, bebas dan merdeka, berdasarkan persempadanan pra-1967, dengan Baitul Maqdis Timur sebagai Ibu Negara.

Agensi Bantuan dan Kerja untuk Pelarian Palestin di Asia Barat (*United Nations Relief and Works Agency for Palestine Refugees in the Near East* (UNRWA))

19. Malaysia menyokong penuh usaha-usaha yang dilakukan oleh Agensi Bantuan dan Kerja untuk Pelarian Palestin di Asia Barat (atau dengan izin, *United Nations Relief and Works Agency for Palestine Refugees in the Near East* - UNRWA). Malaysia merupakan antara negara penyumbang kepada UNRWA sejak tahun 1978.

20. Dalam hal ini, Malaysia berasa amat kesal dengan tindakan beberapa negara yang menggantung pembiayaan kepada UNRWA, ekoran tuduhan rejim Israel bahawa sebilangan kakitangan UNRWA yang dikatakan bersubahat dengan Hamas dan terlibat dengan insiden 7 Oktober 2023.

21. Malaysia berasa sangsi dengan niat rejim Israel memandangkan tuduhan ini dibuat sebaik sahaja ICJ mengarahkan Israel untuk mengambil langkah segera (atau dengan izin, *provisional measures*) bagi menghentikan sebarang serangan berbentuk genosid ke atas Gaza pada 26 Januari 2024.

22. Tindakan penggantungan pembiayaan kepada UNRWA tanpa siasatan menyeluruh akan hanya memburukkan lagi bencana kemanusiaan yang sedang dihadapi oleh rakyat Palestin di Gaza.

23. Sehubungan dengan itu, Malaysia mengalu-alukan tindakan segera Setiausaha Agung PBB untuk memulakan siasatan dalaman melalui *United Nations Office of Internal Oversight Services* (OIOS). Malaysia menggesa negara-negara yang telah menggantung pembiayaan kepada

UNRWA untuk meneruskan semula pembiayaan mereka sebagai tanggungjawab moral ke atas rakyat Palestin di Gaza.

Peranan yang dimainkan oleh Malaysia sebagai Anggota Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNHRC) dalam isu genosid di Gaza dan pengukuhan dasar solidariti Palestin

24. Malaysia terus memberikan sokongan padu dan berterusan kepada Mekanisme-mekanisme di bawah Majlis Hak Asasi Manusia (MHAM) seperti Suruhanjaya Siasatan (atau dengan izin, *Commission of Inquiry*) yang mempunyai mandat khusus untuk mengheret Israel ke muka pengadilan antarabangsa. Malah, Malaysia merupakan antara Negara yang lantang menyokong penubuhan Suruhanjaya Siasatan tersebut, dan memastikan PBB memperuntukkan sumber kewangan dan tenaga kerja yang mencukupi bagi memastikan Suruhanjaya tersebut dapat melaksanakan mandatnya dengan berkesan.

25. Selain itu, Malaysia sentiasa menggesa Pesuruhjaya Tinggi bagi Hak Asasi Manusia untuk merekod segala penindasan dan pencabulan hak asasi rakyat Palestin oleh Israel, untuk tindakan Undang-undang Antarabangsa.

26. Malaysia juga meneraju Resolusi-resolusi di Majlis Hak Asasi Manusia berkaitan Palestin bersama-sama Negara-negara ahli OIC. Resolusi-resolusi tersebut ialah *Human rights situation in the Occupied Palestinian Territory, including East Jerusalem, and the obligation to ensure accountability and justice; Right of the Palestinian people to self-determination; dan Israeli settlements in the Occupied Palestinian Territory, including East Jerusalem, and in the occupied Syrian Golan.*

27. Malaysia bersama-sama dengan Koordinator OIC akan melobi Negara-negara Anggota Majlis Hak Asasi Manusia memperakukan Resolusi-resolusi tersebut melalui undian.

28. Malaysia memastikan Resolusi-resolusi tersebut terus menekankan hak mutlak bebas kepada rakyat Palestin daripada pendudukan haram Israel, pengembalian hak tanah yang telah dirampas dan hak

pembentukan sebuah negara Palestin yang merdeka dan berdaulat berdasarkan garis sempadan pra-1967, dengan Baitul Maqdis Timur sebagai Ibu Negara. Resolusi-resolusi tersebut juga menggesa masyarakat antarabangsa berusaha untuk mengheret Israel ke muka pengadilan antarabangsa.

29. Malaysia juga telah menyertai usaha Palestin untuk mengadakan, dengan izin, *Conference of High Contracting Parties of the Fourth Geneva Convention* bagi membolehkan tindakan undang-undang tegas diambil ke atas Israel yang melanggar peruntukan-peruntukan di bawah Konvensyen tersebut. Setakat ini, 68 buah Negara telah memberikan sokongan untuk mengadakan Persidangan ini. Dalam usaha membantu Palestin, Malaysia secara aktif melobi Negara-negara yang masih belum memberikan sokongan kepada penganjuran Persidangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Bantuan Kemanusiaan untuk Rakyat Palestin

30. Malaysia sentiasa komited dalam menyampaikan bantuan kemanusiaan bagi membantu rakyat Palestin. Ingin ditekankan bahawa sumbangan dan bantuan daripada Malaysia ini disalurkan dengan pelbagai cara dan berjaya dilaksanakan dengan keprihatinan rakyat Malaysia yang menyalurkan sumbangan melalui Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin (AAKRP). Sejak tahun 2002, Wisma Putra mengendalikan AAKRP yang ditubuhkan di bawah subseksyen 9(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

31. Sejumlah 100 tan bantuan kemanusiaan dihantar ke Gaza dengan penerbangan kargo pada bulan November dan Disember 2023 melalui pintu lintasan Rafah-Gaza. Barangan yang dihantar merangkumi ubat-ubatan, peralatan perubatan, makanan, keperluan bayi dan wanita serta bekalan musim sejuk (selimut, khemah dan pakaian). Proses kemasukan barangan ini dipermudahkan di atas kerjasama baik antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Mesir serta kerjasama erat Malaysia menerusi Ops Ihsan dan Persatuan Bulan Sabit Merah Mesir (ERC) selaku Agensi Pelaksana Tunggal bagi menyalurkan bantuan kemanusiaan kepada penduduk Gaza. Ops Ihsan adalah kolaborasi unik merentasi agensi

Kerajaan bersama gabungan lebih kurang 50 Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang digerakkan susulan konflik Palestin-Israel yang tercetus sejak 7 Oktober 2023. Kolaborasi ini dibuat bagi mengatur gerak kerja antara KLN dengan beberapa NGO tempatan, sebagai inisiatif bersama dalam memastikan gerak atur proses bantuan kemanusiaan kepada rakyat Palestin di Gaza menjadi lebih tersusun dan efektif di bawah seliaan KLN. Ops Ihsan ini diterajui oleh KLN dan dianggotai oleh NGO-NGO seperti *Malaysian Humanitarian Relief (MAHAR)*, Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM), *RED A*, *BeVital*, *Global Peace Mission (GPM)* dan lain-lain.

32. Selain itu, Malaysia turut memberikan sumbangan dana kepada organ-organ PBB dan lain-lain agensi bagi kelangsungan hidup rakyat Palestin yang terdesak. Jawatankuasa AAKRP telah menimbang dan meluluskan 13 aktiviti melibatkan dana sebanyak **RM43,004,443.10**. Ia melibatkan kaedah dan pendekatan penyaluran dana berikut:

- 32.1. Pertubuhan Antarabangsa/Serantau seperti *The United Nations Relief and Works Agency for Palestine Refugees in the Near East (UNRWA)* dan *Office for the Coordination of Humanitarian Affairs (OCHA)*;
- 32.2. Kementerian Pendidikan Tinggi bagi kemudahan pembiayaan dan elaun sara hidup untuk pelajar-pelajar Palestin di Malaysia;
- 32.3. Kedutaan Besar Malaysia dan Unit Hal Ehwal Palestin (UHEP) di Amman, Jordan;
- 32.4. NGO tempatan di bawah Ops Ihsan dengan penumpuan awal kepada projek kesinambungan hidup;
- 32.5. Badan-Badan Bukan Kerajaan atau Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) di Jordan, Mesir dan Palestin; dan
- 32.6. Kementerian Awqaf dan Hal Ehwal Islam Jordan bagi penyelenggaraan tahunan Masjid Al-Aqsa.

33. Sumbangan dana ini dilihat memberi impak yang besar terutamanya dalam bantuan kelangsungan dan kelestarian hidup kepada rakyat Palestin tidak kira di mana keberadaan mereka. Sokongan berterusan ini termasuk projek pembangunan semula pasca konflik.

Projek ini akan dijalankan secara kolektif dan usahasama oleh Badan-Badan Bukan Kerajaan Malaysia dengan beberapa rakan penaja setelah konflik ini reda.

Tuan Yang di-Pertua,

34. Selaras dengan dasar luar negeri kita di mana perjuangan Palestin merupakan salah satu teras utama, Malaysia sentiasa memberi sokongan padu kepada Kerajaan Palestin dan rakyatnya dalam apa jua keadaan. Sokongan tidak berbelah bahagi Malaysia amat jelas dapat dilihat meliputi semua aspek baik dari segi politik, ekonomi dan penyaluran bantuan kemanusiaan, kewangan, mahupun pembangunan kapasiti, termasuk pembangunan semula infrastruktur.

35. Kementerian akan terus menyampaikan pendirian lantang dan tegas negara di hadapan pemimpin-pemimpin dunia.

36. Dengan ini, Kementerian Luar Negeri ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas perhatian **Yang Berhormat Kalabakan** agar Kementerian ini terus memperjuangkan hak rakyat Palestin dalam membantu mencari penyelesaian terbaik terhadap konflik antara Palestin dan Israel.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
(TANAH MERAH)**

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan rasional pelan penjualan Affin Bank Berhad kepada mana-mana pihak memandangkan Affin Bank Berhad adalah satu-satunya entiti pelaburan di bawah Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) yang berjaya mencatat keuntungan setiap tahun dan keuntungannya adalah jaminan utama keuntungan dividen yang dibayar kepada pencarum tentera di LTAT.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertahanan berpandangan bahawa cadangan penjualan sebahagian kepentingan Affin Bank adalah tindakan yang wajar dan merupakan keputusan pelaburan yang memberikan pulangan yang positif dalam bentuk pulangan dividen yang berdaya saing dan mampan kepada pencarum, serta membolehkan pihak Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) untuk mengimbangi semula portfolio pelaburannya berdasarkan sasaran yang telah ditetapkan dalam Rangka Kerja Perumpukan Aset Strategik LTAT [*Strategic Asset Allocation Framework (SAA)*].

2. Pada masa ini, LTAT memegang kepentingan efektif sebanyak 48.7% dalam Affin Bank. Cadangan pelepasan sebahagian kepentingan ini disasarkan kepada pemegang taruh (*stakeholder*) yang mempunyai kemampuan kewangan yang kukuh akan memberi nilai tambah yang lebih tinggi kepada bank tersebut dalam bentuk pertumbuhan perniagaan dan peningkatan keuntungan bagi tempoh jangka masa panjang.

3. Selain itu, LTAT juga masih menjadi pemegang saham yang signifikan dalam Affin Bank jika penjualan ini dimuktamadkan. Sebagai sebuah dana persaraan, LTAT harus mementingkan kepelbagaian aset dan menguruskan pelaburannya dengan mengutamakan kestabilan dana dan pulangan yang berterusan. Sebarang cadangan pemindahan pegangan saham tertakluk kepada kelulusan badan-badan pengawal termasuk Bank Negara Malaysia (BNM) sebagai langkah pematuhan kepada tadbir urus korporatnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : KOMANDER NORDIN BIN AHMAD ISMAIL
TLDM (BERSARA) (LUMUT)**

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

KOMANDER NORDIN BIN AHMAD ISMAIL TLDM (BERSARA) [LUMUT] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan mengenai jumlah tanggungan bantuan perubatan yang dibelanjakan oleh Kementerian melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) bagi membiayai kos-kos perubatan anggota Veteran Tidak Berpencen untuk tahun 2023 dan 2024 serta jumlah veteran yang telah menerima manfaat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Aspek kesihatan veteran ATM dan tanggungannya telah menjadi antara fokus utama Kementerian Pertahanan melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV ATM). Bagi tujuan ini, Kementerian Pertahanan bersama-sama Kementerian Kesihatan Malaysia telah menyediakan peruntukan bagi tujuan kemudahan perubatan dan kesihatan kepada veteran ATM yang berpencen dan tidak berpencen termasuk tanggungan.
2. Bagi veteran ATM tidak berpencen, kemudahan perubatan diuruskan secara terus oleh JHEV ATM di bawah peruntukan Kementerian Pertahanan sendiri. Pada tahun 2023, Kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak RM35.6 juta bagi tujuan kemudahan perubatan dan kesihatan yang telah memberi manfaat kepada seramai 5,663 orang veteran ATM tidak berpencen dan tanggungan.
3. Bagi tahun 2024, Kementerian Pertahanan telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM25.1 juta kepada pihak JHEV ATM untuk tujuan ini. Sehingga akhir Januari 2024, sebanyak RM1.46 juta telah dibelanjakan yang telah memberi manfaat kepada seramai 231 orang veteran ATM tidak berpencen dan orang tanggungan yang berkeelayakan. Bilangan penerima ini dijangka akan meningkat dari semasa ke semasa sehingga penghujung tahun 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]
TARIKH : 07 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab musabab pencen anggota perkhidmatan awam akan dimansuhkan sedangkan negara mempunyai dana kumpulan wang amanah negara yang menjaga kebajikan para pesara.

JAWAPAN

**YB DR ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini, skim pencen sedia ada bagi pegawai yang sedang berkhidmat dan pesara sedia ada masih akan diteruskan. Walau bagaimanapun, berdasarkan rekod semasa, terdapat peningkatan tanggungan Kerajaan ke atas pembayaran pencen merangkumi pesara Perkhidmatan Awam, Ahli Parlimen dan Anggota Pentadbiran, Setiausaha Politik, dan Hakim. Jumlah tanggungan pencen Kerajaan pada tahun 2023 ialah sebanyak RM 32.01 bilion. Unjuran purata peningkatan jumlah tambahan tanggungan pencen adalah RM2 bilion setahun. Sekiranya tiada tindakan diambil bagi mengatasi peningkatan perbelanjaan pencen ini, ianya akan memberi implikasi yang besar terhadap kedudukan kewangan Kerajaan pada masa hadapan.

2. Sehubungan itu, memandangkan bebanan tanggungan pencen makin meningkat saban tahun, Kerajaan sedang mengkaji suatu sistem saraan baharu bagi mengoptimumkan pengambilan dan pengisian jawatan dalam perkhidmatan awam. Ini adalah bagi memastikan Kerajaan dapat menguruskan perbelanjaan kewangan negara dengan lebih mampan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB [GERIK]
TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB [GERIK] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perincian mengenai syarat serta insentif yuran mengikuti latihan sukan yang akan diberi pelepasan cukai seperti yang terkandung dalam Belanjawan 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan peruntukan pelepasan cukai untuk pembelian peralatan sukan dan aktiviti sukan, termasuklah perbelanjaan yuran latihan sukan ini dapat dilaksanakan dengan baik, KBS dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Lembaga Hasil Dalam Negeri sedang dalam peringkat perbincangan dan akan dimuktamadkan dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN
[HULU SELANGOR]**

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

YB TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN [HULU SELANGOR]
minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**
menyatakan usaha yang dilakukan bagi menyelesaikan projek rumah
yang dikategorikan sakit dan terbengkalai terutamanya yang melebihi
daripada 10 tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, pada ketika ini, pelbagai langkah telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi menyelesaikan projek-projek perumahan swasta sakit dan terbengkalai secara komprehensif dan menyeluruh. KPKT sangat komited dalam usaha untuk menyelesaikan projek perumahan yang dikategorikan sakit dan terbengkalai melalui strategi seperti berikut:

- i. meneruskan fokus dan gerak kerja pemantauan melalui pasukan *Task Force* Projek Perumahan Swasta Sakit dan Terbengkalai;
- ii. meningkatkan pemantauan status kemajuan projek oleh pemaju melalui sistem *Housing Integrated Management System* (HIMS) supaya pelaporan pemajuan, perkongsian data dan pengemaskinian maklumat projek dapat dilaksanakan secara *near real-time*;
- iii. meningkatkan pemantauan kemajuan projek fizikal sebenar di tapak projek secara berkala;
- iv. membuat penjejakan (*tracking*) projek dengan lebih terperinci supaya tindakan penyelesaian adalah lebih bersasar dan berfokus;
- v. mengadakan libat urus dan kerjasama pintar (*smart partnership*) bersama kerajaan negeri, Lembaga Perumahan dan Hartanah Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi kerajaan, agensi teknikal dan pemaju bagi mengenal pasti permasalahan dan mencari jalan penyelesaian bersama bagi menangani isu projek sakit dan terbengkalai di pelbagai peringkat;

SOALAN NO : 46

- vi. melaksanakan pemantauan yang lebih kerap termasuk pembekuan Akaun Pemajuan Perumahan (*Housing Development Account*, HDA) bagi projek-projek sakit terpilih untuk mengelakkan pengeluaran wang secara tidak bertanggungjawab oleh pemaju.

Selain itu, Kementerian melalui *Task Force* Perumahan Swasta Sakit dan Terbengkalai (TFST) akan bertindak sebagai fasilitator dan mediator bagi memastikan pemulihan projek perumahan swasta terbengkalai dapat dijayakan serta hak dan kepentingan para pembeli rumah dipelihara. Pemaju asal/pemaju penyelamat/kontraktor penyelamat akan dibantu untuk menyiapkan sesuatu projek sehingga siap dengan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance*, CCC) / Sijil Kelayakan Menduduki (*Certificate of Fitness For Occupation*, CFO) atau penyelesaian kepada pembeli melalui pemulangan deposit dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak *Task Force* Perumahan Swasta Sakit dan Terbengkalai (TFST) ditubuhkan pada Januari 2023, TSFT telah berjaya memulihkan sebanyak 452 projek (53,697 unit rumah) perumahan swasta dan terbengkalai merangkumi 394 projek bertukar status menjadi lancar, 50 projek sakit berjaya diselesaikan sehingga mendapat CCC/CFO dan 8 projek terbengkalai berjaya dipulihkan. Perkara ini melibatkan nilai pembangunan kasar (*Gross Development Value – GDV*) adalah sebanyak RM39.81 billion.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tahap kesiapsiagaan sistem LRT, MRT, Komuter, ETS, Monorel serta kos penyelenggaraan tahunan untuk setiap sistem tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan sentiasa memantau kesiapsiagaan sistem pengoperasian kereta api yang dikendalikan oleh operator-operator rel bagi memastikan keselamatan dan keselesaan penumpang yang optimum.
2. Selain memastikan kerja-kerja penyelenggaraan berkala dilaksanakan mengikut jadual, KTMB juga sedang melaksanakan projek menaiktaraf landasan di Lembah Klang Fasa 1 yang akan siap pada suku kedua tahun 2024 dan Fasa 2 yang dijangka akan siap pada suku pertama tahun 2029. Projek KVDT Fasa 1 merangkumi laluan Rawang ke Salak Selatan manakala projek KVDT 2 merangkumi laluan Salak Selatan ke Seremban dan Simpang Pelabuhan Klang (SPK) ke Pelabuhan Klang.
3. Projek landasan berkembar antara Gemas - Johor Bahru juga sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada suku kedua tahun 2025. Penyiapan projek ini akan menyambungkan landasan berkembar dari Utara Semenanjung iaitu stesen Padang Besar hingga ke Selatan iaitu stesen Johor Bahru.
4. Selain itu, KTMB sedang menaiktaraf sistem elektrifikasi bagi sektor Lembah Klang di mana projek ini bertujuan untuk memastikan semua sistem elektrifikasi ini berada dalam keadaan terbaik dan dapat mengelakkan berlakunya kegagalan operasi tren. Projek menaiktaraf sistem elektrifikasi ini dijangka akan siap pada suku ketiga tahun 2027.
5. Kos penyelenggaraan tahunan bagi aset-aset keretapi yang dikendalikan oleh KTMB untuk menyokong sistem operasi rel yang *reliable* adalah seperti berikut:

| Jenis Sistem Aset Keretapi | Kos Penyelenggaraan Tahunan (RM) |
|-----------------------------------|---|
| Infrastruktur Rel | 84,000,000.00 |
| Sistem Elektrifikasi | 23,000,000.00 |

| | |
|------------------------------|----------------|
| Sistem Semboyan & Komunikasi | 36,000,000.00 |
| Stokereta | 114,000,000.00 |

6. Selain itu, pihak Prasarana selaku pemilik aset LRT di Lembah Klang bersama dengan Rapid Rail sebagai pengendali LRT dan MRT, telah merancang dan sedang melaksanakan beberapa inisiatif untuk membaik pulih serta menambah kebolehpercayaan tren dan sistem-sistem berkaitan demi mengurangkan kerosakan dan gangguan perkhidmatan semasa operasi.
7. Bagi LRT Laluan Ampang, kerja-kerja *overhaul* bagi semua komponen yang melibatkan 50 unit tren sedang dijalankan dan dijangka siap pada suku pertama 2028 dengan anggaran kos sebanyak RM190.4 juta dan pelaksanaan *Long-Term Service Support (LTSS)* selama 10 tahun dengan pihak OEM untuk sistem pensemboyanan yang dijadualkan bermula pada September 2024.
8. Bagi LRT Laluan Kelana Jaya, antara inisiatif sedang dilaksanakan termasuklah penggantian brek dan *propulsion tachometer* yang rosak bernilai RM1.5 juta bagi tren 818. Projek pembaikan ini dijangka siap pada suku keempat 2024.
9. Manakala bagi Laluan Monorel, aktiviti penukaran tayar tren yang mencapai tahap kehausan tayar yang dibenarkan atau jumlah jarak maksimum akan dimulakan pada tahun 2024 dengan anggaran kos bernilai RM2.2 juta.
10. Bagi MRT Laluan Kajang pula, kerja penggantian roda tren bernilai RM36.7 juta dijangka siap pada bulan Januari 2025.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN
MOKHTAR [KEMAMAN]**

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SERI DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR [KEMAMAN] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan laporan dan dapatan kajian terkini yang telah dilakukan bagi menangani harga makanan dan kos sara hidup di bawah Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Laporan Indeks Harga Pengguna, Disember 2023 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada 22 Januari 2024, kadar inflasi negara bagi tahun 2023 mereda 2.5% berbanding 3.3% pada tahun 2022. Peningkatan yang lebih rendah dicatatkan pada tahun 2023 antaranya disumbangkan oleh kenaikan perlahan dalam kumpulan Makanan dan minuman bukan alkohol (4.8%), Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain (1.7%) dan Pengangkutan (14.6%). Ketiga-tiga kumpulan ini memberi sumbangan sebanyak 67.9% daripada keseluruhan bakul barangan dan perkhidmatan dalam pengukuran Indeks Harga Pengguna Malaysia.

Kumpulan Makanan dan minuman bukan alkohol mencatatkan kadar inflasi lebih rendah pada tahun 2023 disokong oleh peningkatan perlahan bagi komponen Makanan di rumah (2023: 3.5%; 2022: 5.3%). Ini dipengaruhi oleh peningkatan perlahan oleh subkumpulan Daging (2023: 5.4%; 2022: 8.6%), Ikan dan makanan laut (2023: 1.8%; 2022: 3.7%) dan Sayur-sayuran (2023: 0.8%; 2022: 5.5%). Selain itu, subkumpulan Minyak dan lemak merekodkan penurunan -0.5% pada tahun 2023 berbanding 3.3% pada tahun 2022.

Selain itu, usaha dan inisiatif Kerajaan dalam melaksanakan pelbagai program jualan murah di kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan berpendapatan rendah semestinya membantu dalam meringankan beban kos sara hidup yang ditanggung oleh penduduk setempat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO HENRY SUM AGONG [LAWAS]

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO HENRY SUM AGONG [LAWAS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan bagi penyediaan ruang pejabat dan tempat kediaman yang mencukupi untuk pegawai-pegawai Persekutuan di Lawas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan Persekutuan mempunyai 20 buah Bangunan Gunasama Persekutuan (BGP) di seluruh Sarawak yang menempatkan Jabatan/Agensi Persekutuan yang memberikan perkhidmatan kepada rakyat di Negeri Sarawak.

2. Lokasi bagi BGP ini adalah terletak di bandar-bandar utama seluruh Sarawak di setiap bahagian (kecuali di Bahagian Serian). Penempatan BGP di bandar-bandar utama adalah bagi memudahkan urusan orang ramai setelah mengambilkira kemudahan asas dan infrastruktur yang semestinya lebih tersedia berbanding di luar-luar bandar yang agak jauh dari pusat bandar selain faktor pusat bandar yang menjadi tumpuan orang ramai. Di daerah Lawas, BGP sedia ada setakat ini adalah Wisma Persekutuan Lawas yang terletak di Jalan Gaya. Terdapat sebanyak 10 buah Jabatan/Agensi Persekutuan yang menduduki BGP ini dan ruang pejabat yang terhad di BGP berkenaan sememangnya tidak dapat menampung untuk penempatan kesemua Jabatan/Agensi Persekutuan yang terdapat di Lawas.

3. Kerajaan Persekutuan mengambil maklum bahawa masih terdapat Jabatan atau Agensi Persekutuan di bahagian/daerah di Sarawak termasuk Daerah Lawas yang masih menyewa di premis swasta mahupun menumpang bangunan pejabat di bawah Kerajaan Sarawak. Namun, keutamaan perancangan bagi pembangunan BGP di seluruh Sarawak adalah setelah mengambilkira keperluan penempatan jabatan atau agensi yang lebih mendesak. Buat masa ini, Jabatan Perdana Menteri mendapati tiada keperluan mendesak untuk pembinaan Bangunan Gunasama Persekutuan (BGP) di Lawas kerana bilangan Jabatan/Agensi Kerajaan Persekutuan yang kecil dan kos sewaan yang rendah berbanding kos pembinaan BGP yang dijangka melibatkan kos yang jauh lebih tinggi.

4. Sehubungan dengan itu, Jabatan Perdana Menteri melalui Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak (SUPS) pada tahun 2023 telah melaksanakan tinjauan keperluan BGP di setiap bahagian bagi mendapatkan keperluan ruang [*Schedule of Accommodation (SOA)*]

Jabatan/Agensi sebelum perancangan pembinaan BGP di satu-satu bahagian/daerah. Berdasarkan dapatan tinjauan tersebut, hanya 2 jabatan yang telah mengemukakan maklum balas keperluan ruang pejabat. Justeru, cadangan pembangunan baharu tidak dapat diangkat/ diteruskan.

5. Bagi Kwarters Gunasama Persekutuan (KGP) Sarawak pula, Pejabat SUPS mempunyai 28 KGP di seluruh Sarawak (978 unit keseluruhan) termasuk KGP Lawas, Jalan Trusan dengan jumlah 30 unit kuarters. Tinjauan Keperluan KGP Tahun 2023 mendapati hanya 12 responden/pemohonan kuarters di Daerah Lawas. Justeru, pada ketika ini belum ada sebarang perancangan pembangunan untuk penambahan kuarters di Daerah Lawas.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL
RAHMAN [KUALA KRAI]**

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan berapakah jumlah pusat khidmat pelanggan '*Unifi Store*' atau sebelum ini dikenali sebagai *TMpoint* yang bakal ditutup dan apakah kesannya kepada pekerja-pekerja yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penutupan operasi beberapa pusat khidmat pelanggan Unifi Store (sebelum ini dikenali sebagai TMpoint) merupakan sebahagian daripada usaha berterusan TM dalam merapatkan jurang dan memperkasakan penggunaan digital di kalangan rakyat. TM menyediakan aplikasi MyUnifi (MyUnifi *app*) iaitu kemudahan di hujung jari yang fleksibel dan bebas kepada semua pelanggan untuk mengelola sebarang transaksi.

Selain penggunaan aplikasi, pembayaran bil TM juga lebih mudah dan turut tersedia melalui pelbagai saluran lain seperti di laman Unifi Selfcare, JomPay atau perkhidmatan perbankan atas talian (*online banking*) serta e-dompet. Untuk transaksi secara fizikal (*over the counter*) pula, ia masih boleh dilakukan di beberapa lokasi seperti Pejabat Pos Malaysia, Bank Simpanan Nasional, serta kedai-kedai 7-Eleven dan 99 Speedmart yang berdekatan.

Lima Unifi Store yang ditutup pada penghujung Februari dan Mac tahun ini melibatkan dua di negeri Sabah iaitu di Kudat dan Lahad Datu dan tiga di negeri Perak iaitu di Kampar, Batu Gajah dan Tasek. Pekerja-pekerja yang terlibat dengan penutupan Unifi Store ini akan diberikan pilihan antaranya untuk bertukar ke Unifi Store lain yang berhampiran atau bertukar ke bahagian lain yang bersesuaian dengan kompetensi anggota.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN
HASSAN [SRI GADING]
TARIKH : 07 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN [SRI GADING] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pelaksanaan pengambilan penjawat awam secara kontrak dan juga pertukaran skim pencen kepada skim KWSP ini akan melibatkan semua sektor termasuk sektor kritikal dalam bidang kesihatan, pendidikan dan pertahanan awam.

JAWAPAN

**YB DR ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan Kerajaan dalam melaksanakan Kaedah Pengambilan Pegawai Perkhidmatan Awam secara Lantikan Kontrak (Interim) pada masa ini adalah merupakan langkah bersifat sementara sahaja, sementara proses ke arah memperkenalkan kaedah baharu lantikan tetap pegawai Perkhidmatan Awam dimuktamadkan.
2. Pegawai yang dilantik menerusi lantikan kontrak (interim) ini akan dilantik secara tetap menerusi kaedah baharu di bawah sistem saraan perkhidmatan awam yang akan dimuktamadkan kelak. Walau bagaimanapun, lantikan ke jawatan tetap ini juga tertakluk kepada prestasi dan perakuan Ketua Jabatan selanjutnya. Pelantikan ini adalah berdasarkan peraturan dan dasar semasa yang berkuat kuasa iaitu Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Urusan Perkhidmatan (UP), termasuk penetapan gaji dan kemudahan kepada pegawai yang dilantik.
3. Urusan pengambilan secara pelantikan kontrak ini melibatkan semua sektor termasuk sektor kritikal dalam bidang kesihatan, pendidikan dan pertahanan awam kecuali Polis dan Angkatan Tentera.
4. Walau bagaimanapun, penentuan sektor perkhidmatan mana yang mungkin dikecualikan daripada kuat kuasa kaedah baharu lantikan tetap bercarum masih dalam penelitian Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan dijangka bakal dimuktamadkan bersama cadangan / inisiatif di bawah Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]

TARIKH : 7 MAC 2024 | KHAMIS

SOALAN :

TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan Kerajaan untuk memperkenalkan mekanisme baru Bantuan Kewangan Haji (HAFIS) yang lebih menjamin faedah bersama antara Lembaga Tabung Haji dan juga pendeposit daripada golongan M40 dan T20 mengambil kira sumbangan besar kedua-dua golongan tersebut ke dalam dana Tabung Haji.

JAWAPAN

YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Tabung Haji telah melaksanakan mekanisme Bantuan Kewangan Haji Bersasar sejak tahun 2022 bagi memastikan bakal jemaah yang paling memerlukan dapat menunaikan ibadat haji dan pada masa yang sama juga memastikan **TH** menangani kelestarian kewangannya.
2. Dalam masa yang sama, Tabung Haji turut menghargai sokongan yang diberi oleh semua lapisan umat Islam kepada Tabung Haji menjadi pendeposit Tabung Haji dan terus setia menabung dalam Tabung Haji.

3. Tabung Haji juga telah dan sentiasa meneruskan usaha menjelaskan konsep istito'ah atau kemampuan dalam mengerjakan haji dimana semua jemaah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas perbelanjaan yang diperlukan bagi menunaikan rukun Islam yang kelima ini.
4. Usaha penerangan tentang kepentingan konsep kemampuan atau istito'ah dilakukan melalui media arus perdana, media sosial dan sesi libat urus kerana sudah tentu ibadat haji itu akan lebih bermakna dengan pengorbanan menyimpan wang untuk membayar kos penuh, tanpa memerlukan bantuan dari mana-mana pihak.
5. Resolusi Muzakarah Haji Kebangsaan ke-37 pada Disember 2020 juga telah menetapkan bahawa perbelanjaan sebenar mengerjakan haji adalah tanggungjawab jemaah haji sepenuhnya dan mereka tidak wajib menerima sumbangan daripada pihak tertentu untuk menunaikan haji. Walau bagaimanapun, tidak salah jika mereka menerimanya.
6. Alhamdulillah, berikutan penerangan berterusan, semakin ramai yang menghayati konsep istito'ah (kemampuan) dan hasilnya ada golongan yang menolak bantuan kewangan haji sama ada secara sepenuhnya atau sebahagiannya.
7. Kadar bantuan kewangan haji bersasar akan disemak dari masa ke semasa dan akan turut mengambil kira cadangan-cadangan untuk menambah baik.
8. Walau bagaimanapun, **TH** juga harus sentiasa mengambil kira keperluan untuk mengimbangi kepentingan jemaah haji tahunan yang memerlukan bantuan dengan kepentingan keseluruhan pendeposit yang memerlukan kadar pulangan yang stabil dan mampan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS
[KOTA BELUD]**

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

**PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS [KOTA BELUD] minta
MENTERI KOMUNIKASI menyatakan:**

- (a) jumlah tiang telekom di Sabah khususnya di Kota Belud yang akan dibaiki atau dibina baru; dan
- (b) tindakan Kementerian bagi mengatasi kes kecurian kabel di Sabah yang semakin membimbangkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan laporan yang disediakan oleh TM Sabah bagi tahun 2023, sebanyak empat batang tiang telekom yang telah dibaiki dan sebanyak 418 batang tiang telekom baharu yang telah dipasang. Bagi pemasangan tiang telekom yang baharu, pemasangan ini adalah mengikut keperluan dari semasa ke semasa selari dengan pemasangan kabel gentian optik yang baharu. Pemasangan tiang telekom yang baharu juga adalah tertakluk kepada kelulusan izin lalu daripada Jabatan Kerja Raya, Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi pelulus yang berkaitan.

Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) bersama pemberi perkhidmatan sentiasa menggesa orang awam untuk segera melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya mempunyai sebarang maklumat atau melihat sebarang aktiviti mencurigakan berhampiran dengan infrastruktur telekomunikasi. Tindakan pencegahan dan kerjasama yang diberikan membolehkan MCMC dan pemberi perkhidmatan untuk memastikan perkhidmatan komunikasi tidak terjejas di kawasan yang berkenaan.

MCMC turut terlibat dalam Program Kesedaran Hentikan Vandalisme Telekomunikasi Bersama Komuniti DUN N.8 Pintasan, Polis Diraja Malaysia dan Telekom Malaysia yang dirasmikan oleh YB ADUN Pintasan pada 2 Februari 2024. Program seperti ini diharapkan dapat membantu dalam usaha untuk menangani kes kecurian kabel dan vandalisme di negeri Sabah, termasuklah di Parlimen Kota Belud.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN ZAHARI BIN KECHIK [JELI]
TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN ZAHARI BIN KECHIK [JELI] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah graduan terkini di semua Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) dan nyatakan secara terperinci bagi peluang kebolehpasaran pekerjaan bagi graduan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah graduan bagi tahun 2023 di Institusi Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) adalah seramai 3,917. Secara purata, kadar kebolehpasaran graduan sejak tiga tahun kebelakangan ini ialah 95%.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHONG ZHEMIN (KAMPAR)

TARIKH : 7 MAC 2024

SOALAN

TUAN CHONG ZHEMIN [KAMPAR] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan rasional untuk meletakkan had umur maksima 15 tahun untuk acara Ping Pong untuk SUKMA 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sukan Malaysia atau SUKMA telah diwujudkan sejak tahun 1986. Temasya ini menyediakan platform pertandingan untuk atlet berumur di antara 12 hingga 21 tahun di peringkat pembangunan sukan bagi pengembangan bakat dan penilaian prestasi melibatkan program latihan pembangunan jangka panjang yang dilaksanakan secara berterusan bersama Majlis Sukan Negeri-Negeri.

Merujuk kepada Peraturan Am Sukan Malaysia XXI Sarawak 2024, penetapan kelayakan umur untuk setiap jenis sukan yang akan dipertandingkan telah dibincangkan bersama Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) yang terlibat dengan temasya SUKMA. Penetapan had umur tersebut adalah mengambil kira kepada kategori Kadet atau Remaja yang dipertandingkan di peringkat Kejohanan Remaja Peringkat Antarabangsa sebagai mana yang telah ditetapkan oleh badan sukan antarabangsa masing-masing.

SOALAN NO : 55

Bagi sukan ping pong, Persekutuan Ping Pong Antarabangsa (ITTF) telah menetapkan bahawa bagi kategori Kadet dan Remaja Dunia adalah berumur 18 Tahun Ke Bawah dan 15 Tahun Ke Bawah. Berdasarkan penetapan tersebut, Persatuan Ping Pong Malaysia (TTAM) telah menetapkan bahawa kejohanan Peringkat Kebangsaan akan mempertandingkan umur terbuka manakala sebanyak 2 kejohanan akan mempertandingkan peringkat umur seperti berikut:

- a) Kejohanan Ping Pong Malaysia Ke 58 Tahun 2023 pada 27 hingga 30 Disember 2023 di Segamat, Johor bagi Umur Terbuka;
- b) Kejohanan Ping Pong Remaja dan Kadet Malaysia Milo-Bank Islam Kali Ke 41 Tahun 2023 pada 18 hingga 23 Disember 2023 di Kuching, Sarawak bagi umur 18 Tahun Ke Bawah dan 15 Tahun Ke Bawah; dan
- c) Kejohanan Ping Pong Malaysia Harapan Milo Ke 34 Tahun 2023 pada 9 hingga 13 November 2023 di Kuala Terengganu, Terengganu bagi umur 13 Tahun Ke Bawah dan 10 Tahun Ke Bawah.

Penetapan had umur 15 hingga 21 tahun sukan Ping Pong yang akan dipertandingkan di SUKMA adalah sebagai platform utama TTAM dalam mengenal pasti atlet-atlet yang berpotensi tinggi untuk program di peringkat yang lebih tinggi di MSN dan seterusnya dapat mewakili negara ke kejohanan peringkat antarabangsa.

Walau bagaimanapun, bagi atlet-atlet muda Ping Pong yang tidak layak mewakili Negeri ke SUKMA berdasarkan kategori umur di antara 15 hingga 21 tahun, masih mampu untuk menunjukkan prestasi terbaik mereka menerusi Kejohanan yang dianjurkan oleh pihak TTAM mahupun Kementerian Pendidikan (KPM).

Selain SUKMA, atlet-atlet yang mempamerkan prestasi cemerlang akan dikenalpasti oleh jurulatih sukan-sukan tertentu melalui platform kejohanan-kejohanan kebangsaan dan juga negeri. Atlet-atlet ini akan diberikan peluang menyertai program latihan MSN berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
[KUALA LANGAT]**

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI [KUALA LANGAT] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perancangan pihak Kerajaan untuk memberikan penyelesaian kepada permasalahan para pemandu *P-Hailing* yang dibangkitkan berkenaan kadar bayaran upah baharu yang mengalami penurunan drastik, sedangkan permintaan perkhidmatan *P-Hailing* ini tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, kadar bayaran upah perkhidmatan *p-hailing* pada masa ini tidak dikawalselia oleh Kerajaan kerana konsep perkhidmatan tersebut jatuh di bawah sektor gig ekonomi yang fleksibel dan kaedah bagi menetapkan kadar upah yang diperolehi adalah ditentukan oleh syarikat-syarikat penyedia perkhidmatan *P-Hailing Operator* (PHO) berdasarkan model perniagaan masing-masing.

2. Pada dasarnya, mekanisma bagi menentukan kadar upah tersebut adalah secara dinamik dan boleh berubah mengikut komponen pembolehubah seperti kesesakan trafik, cuaca, jarak, masa, jumlah permintaan dan jumlah penawaran yang ditetapkan di peringkat aliran pasaran.

3. Namun, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, susulan kelulusan pewartaan pindaan Akta 715 (Pindaan 2023) pada 16 Jun 2023 dan tarikh kuatkuasa Akta tersebut pada 15 Oktober 2023 yang lalu, Kementerian ini sedang merangka dan membangunkan peraturan dan syarat pengawalseliaan perkhidmatan *p-hailing* bagi tujuan memastikan pelaksanaan perkhidmatan *p-hailing* ini kelak dilaksanakan dengan mengambilkira kepentingan semua pihak yang terlibat termasuklah syarikat-syarikat penyedia dan rakan penghantar perkhidmatan *p-hailing*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN
ABDULLAH [ROMPIN]**

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

YB DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH [ROMPIN] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan hala tuju Dasar Perumahan Negara pada masa kini kerana jika dilihat, rumah mampu milik untuk golongan B40 dan juga M40 masih tidak mampu memenuhi permintaan di pasaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa memberikan **komitmen yang berterusan** dalam **menyediakan program perumahan mampu milik** yang bertujuan memastikan **setiap rakyat mempunyai tempat tinggal tanpa mengira sama ada secara pemilikan atau sewaan (*shelter for all*)**.

Melalui Dasar Perumahan Negara 2018-2025 bagi mengawal peningkatan kos pemajuan perumahan, pihak pemaju digalakkan untuk melaksanakan pembinaan **menggunakan Sistem Binaan Berindustri (IBS)** secara berperingkat. Penjimatan dalam kos pembinaan bagi setiap unit Rumah Mampu Milik (RMM) dapat dijamin melalui aktiviti pembinaan

SOALAN NO : 57

yang dipusatkan dan dilaksanakan dalam skala yang lebih besar. Selain itu, penggunaan kaedah pembinaan yang lebih canggih seperti **Permodelan Maklumat Bangunan (BIM)** juga boleh meningkatkan tahap kecekapan, mengurangkan tempoh masa pembinaan RMM dan mengurangkan kos projek.

Dalam usaha untuk memastikan RMM mampu memenuhi permintaan pasaran, Kerajaan telah menetapkan sasaran pembinaan 500,000 unit RMM di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Sehingga 30 September 2023, sebanyak 274,258 unit RMM yang telah siap dibina dan dalam fasa pembinaan. Jumlah ini menyumbang kepada 54.8% daripada 500,000 unit RMM yang disasarkan.

Justeru, selain memastikan sasaran ini dipenuhi melalui pelaksanaan program-program RMM di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang merangkumi Program Perumahan Rakyat (PPR), Program Rumah Mesra Rakyat (RMR), Program Perumahan PR1MA dan Kediaman SPNB, KPKT sentiasa melihat **peluang kerjasama** bagi pembangunan projek baharu melalui **kerjasama dengan kerajaan negeri atau pemaju swasta** dalam penyediaan perumahan mampu milik. Antara ruang kerjasama yang dipertimbangkan adalah melalui:

- (i) penyediaan tapak tanah oleh kerajaan negeri untuk pelaksanaan RMM. KPKT akan memberi keutamaan kepada mana-mana kerajaan negeri yang menyediakan tanah di lokasi strategik dengan kadar nominal atau percuma; dan
- (i) pembangunan RMM oleh Kerajaan sama ada secara kerjasama (*joint venture*), subsidi silang (*cross subsidization*) atau pertukaran tanah (*land swap*) melibatkan kerjasama dengan pemaju swasta.

Selain itu, Kerajaan turut menggalakkan pemaju swasta untuk membangunkan RMM melalui **pemberian insentif** seperti berikut:

SOALAN NO : 57

- (i) memberikan kemudahan bayaran deposit kepada pemaju perumahan yang membina RMM, iaitu pemaju perumahan yang membina RMM hanya perlu membayar deposit sebanyak RM200,000 ke dalam *Housing Development Account* (HDA) berbanding pemaju yang tidak membangunkan RMM yang perlu membayar sebanyak 3% daripada kos pembinaan;
- (ii) memberi pengecualian ke atas caj pematuhan dan caj pembangunan; dan
- (iii) *fast lane* untuk kelulusan Kebenaran Merancang (KM), Pelan Bangunan (PB) dan insentif-insentif lain di bawah kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang dapat membantu pemaju untuk membangunkan RMM.

Selain itu, Kerajaan juga menggalakkan pemaju untuk melaksanakan **Kajian Kebolehlaksanaan atau *Feasibility Study*** sebelum sesuatu pemajuan dilaksanakan bagi memastikan rumah yang dibina adalah berdasarkan kemampuan rakyat seterusnya mengelakkan rumah tersebut tidak terjual.

KPKT akan terus giat melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan setiap rakyat mempunyai akses terhadap perumahan yang berkualiti dan mampu dimiliki.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. HAJI ABD GHANI BIN AHMAD [JERLUN]

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DR. HAJI ABD GHANI BIN AHMAD [JERLUN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan susulan semakan hukuman mati mandatori yang telah dikemukakan kepada mahkamah, apakah Kerajaan berhasrat untuk memberikan ruang kepada keluarga mangsa untuk turut terlibat dalam proses undang-undang memandangkan terdapat penjenayah yang terlibat dengan perlakuan jenayah yang kejam dan zalim turut dilepaskan.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 [Akta 846] merupakan suatu akta untuk memansuhkan hukuman mati mandatori di Malaysia dan telah mula berkuat kuasa pada 4 Julai 2023.

2. Pemansuhan hukuman mati mandatori ini tidak melibatkan pemansuhan hukuman mati sepenuhnya (*total abolition*). Sebaliknya, bagi kesalahan-kesalahan yang menyebabkan kematian, Mahkamah masih mempunyai budi bicara untuk menjatuhkan hukuman mati, tertakluk kepada fakta dan keadaan setiap kes serta prinsip undang-undang yang mantap. Sehubungan itu, proses jatuh hukum ini merupakan suatu proses kehakiman (*judicial process*) yang dilaksanakan sepenuhnya oleh Badan Kehakiman.

3. Walau bagaimanapun, seksyen 183A Kanun Tatacara Jenayah telah memperuntukkan bahawa keluarga mangsa boleh memberikan Pernyataan Kesan Terhadap Mangsa (*Victim Impact Statement*) berkenaan kesan kesalahan tersebut terhadap mangsa atau keluarga, sebelum apa-apa hukuman dijatuhkan oleh Mahkamah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]
TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN PANG HOK LIONG [LABIS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang wajar diperuntukkan untuk mewajibkan Peguam Negara memberi alasan yang kukuh apabila membuat keputusan untuk menghentikan pertuduhan jenayah terhadap mana-mana orang yang kena tuduh terutamanya dalam kes berprofil tinggi.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Keputusan untuk mendakwa atau menarik balik pertuduhan di mahkamah ialah kuasa budi bicara khusus yang dilaksanakan oleh Peguam Negara sebagaimana termaktub dalam Fasal (3) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan.
2. Peguam Negara tidak dikehendaki untuk memberikan alasan dalam melaksanakan kuasa budi bicaranya di bawah Fasal (3) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan termasuk apabila membuat keputusan untuk menghentikan pertuduhan jenayah terhadap mana-mana orang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN HAJI
MOHD. YASSIN [PAGOH]**

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN [PAGOH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status dan mekanisme penggabungan Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) di bawah Permodalan Nasional Berhad (PNB) seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Proses penggabungan Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) ke dalam Yayasan Pelaburan Bumiputra (YPB) dari Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera (YAHB) sedang berjalan. Beberapa kelulusan prasyarat kepada penggabungan tersebut sedang dipohon daripada pihak tertentu seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Kementerian Kewangan. Mekanisme penggabungan ini adalah melalui pemindahan saham PHB yang dipegang oleh YAHB kepada YPB.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RUSHDAN BIN RUSMI
[PADANG BESAR]**

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN RUSHDAN BIN RUSMI [PADANG BESAR] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pendirian terkini kebenaran kenderaan persendirian Thailand yang membawa pelancong asing atau tempatan masuk ke negara ini melebihi dua kilometer dari pintu sempadan dan pertimbangan semula atas keperluan yang sudah berubah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peraturan semasa di bawah perundangan Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333] dan Akta Pengangkutan Awam Darat [Akta 715] adalah tidak membenarkan mana-mana kenderaan asing jenis persendirian untuk membawa penumpang bagi tujuan sewa dan upah. Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan melalui agensinya Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dari semasa ke semasa sentiasa membuat penguatkuasaan dan pemantauan di kawasan terlibat bagi memastikan pematuhan terhadap peraturan-peraturan semasa yang berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN
TUN HUSSEIN [SEMBRONG]**

TARIKH : **7 MAC 2024 (KHAMIS)**

SOALAN

DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan apakah langkah kawalan Kementerian untuk membendung dan mengawal kebocoran data peribadi di internet memandangkan kedudukan Malaysia berada pada tangga ke-11 negara paling ramai data pengguna yang diceroboh menurut sebuah syarikat keselamatan siber, *Surfshark* dan kebocoran data peribadi di *open-source* yang dilakukan oleh orang awam sendiri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Digital melalui agensinya CyberSecurity Malaysia sentiasa memberikan khidmat nasihat berkaitan bidang keselamatan siber melalui kepakaran teknikal sedia ada dan juga berperanan untuk memastikan ekosistem siber negara sentiasa selamat dan dipercayai. Keselamatan siber yang komprehensif di peringkat nasional amat perlu sebagai langkah pencegahan *preemptive*, proaktif dan responsif dalam menangani insiden siber, dan mengurangkan risiko kebocoran data peribadi serta kehilangan harta intelektual digital negara. Bagi membendung dan mengawal kebocoran data peribadi di internet, antara langkah yang diambil oleh CyberSecurity Malaysia adalah seperti berikut:

SOALAN NO. 62

- (a) Mencadangkan supaya setiap produk atau aplikasi yang dibangunkan melalui proses penilaian dan pensijilan Malaysia *Common Criteria* (MyCC) atau *Technology Security Assurance* (TSA) yang merupakan proses sistematik bagi menilai dan memperakui fungsi keselamatan produk ICT berdasarkan kriteria atau piawaian yang ditetapkan berdasarkan standard antarabangsa *Common Criteria* ISO/IEC 15408;
- (b) Melaksanakan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (*Information Security Management System – ISMS*) berdasarkan standard antarabangsa ISO/IEC27001. Ini membantu pengurusan keselamatan maklumat dilaksanakan secara holistik dan efisien dengan mengenal pasti risiko pada setiap aspek kitaran hayat dan ekosistem data/ maklumat sekaligus membolehkan kawalan yang sesuai dilaksanakan untuk menangani ancaman keselamatan maklumat serta kerentanan aplikasi dan ekosistem. Pelaksanaan ISMS mampu memastikan pematuhan terhadap akta dan arahan keselamatan maklumat dan data peribadi yang berkaitan. ISMS juga merupakan satu mekanisme yang dapat memastikan tadbir urus keselamatan maklumat serta data secara menyeluruh dan meningkatkan daya tahan, mengekalkan ketersediaan, serta menjamin kesinambungan dalam sistem penyampaian perkhidmatan; dan
- (c) Pelaksanaan latihan *Data Protection Officer* (DPO) kepada penjawat awam dan sektor swasta di mana DPO bertanggungjawab memastikan organisasi mereka mematuhi undang-undang, peraturan dan amalan terbaik berkaitan perlindungan data peribadi. DPO juga bertanggungjawab untuk mengkaji dasar dan amalan perlindungan data peribadi organisasi secara berkala, menawarkan panduan perlindungan data peribadi dan sokongan serta melaksanakan proses bagi mengurangkan risiko organisasi selain memastikan pematuhan kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [*Akta 709*].

2. Melalui program RMKe-12, CyberSecurity Malaysia juga sedang dalam usaha mewujudkan satu Skim Penilaian dan Pensijilan Keselamatan Digital & Privasi. Standard ini adalah lanjutan dari ISO/IEC 27701 yang mula diperkenalkan pada tahun 2021 di mana fokus tertumpu kepada cara pelaksanaan menyeluruh dalam pengurusan maklumat privasi dan keselamatan digital. Skim ini juga menyokong pelaksanaan Akta 709 yang melibatkan organisasi serta rakyat di Malaysia dan ekosistemnya.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ketirisan data peribadi juga boleh berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor, seperti aktiviti berniat jahat (*malicious activities*), kecuaiian manusia atau kelemahan sistem komputer. Adalah penting bagi organisasi untuk melaksanakan langkah-langkah keselamatan yang membolehkan mereka memantau dan mengambil langkah pencegahan sebelum ketirisan data peribadi berlaku.
4. Justeru itu, Kementerian Digital melalui Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) sedang dalam proses meminda Akta 709 untuk ditambah baik selaras dengan perkembangan semasa dalam aspek teknologi dan perundangan perlindungan data peribadi di peringkat global. Pindaan akta ini dijangka akan dibentangkan di Parlimen dalam masa yang terdekat.
5. Selain itu, JPDP juga telah membangunkan lapan (8) Kod Tataamalan, dokumen perundangan dalam pelbagai sektor, yang memberikan panduan khusus untuk mengaplikasikan prinsip-prinsip Akta 709 dalam urusan perniagaan di organisasi.
6. Kementerian ini melalui JPDP sentiasa peka dengan mengambil pelbagai langkah untuk meningkatkan kesedaran organisasi dan rakyat mengenai Akta 709 bagi menjamin keselamatan data peribadi dalam transaksi komersial di Malaysia. Kementerian juga akan terus memantau isu ini dengan mengguna pakai perundangan sedia ada serta mengambil langkah proaktif untuk memelihara keselamatan data peribadi rakyat secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI YUSUF BIN ABD. WAHAB
[TANJONG MANIS]

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HAJI YUSUF BIN ABD. WAHAB [TANJONG MANIS] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengawal kenaikan harga barang makanan asas menjelang musim perayaan Hari Raya dan Gawai Dayak di Sarawak. Apakah Kementerian akan mengadakan lebih banyak Program Jualan Rahmah untuk membantu rakyat terutamanya di kawasan luar bandar seperti Parlimen Tanjong Manis.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini sentiasa mengambil langkah-langkah proaktif bagi meminimalkan kenaikan harga barangan di dalam negara. Sehubungan itu, Kementerian telah melaksanakan **Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Pesta Kaamatan, Hari Gawai, Deepavali dan Krismas**. Skim ini merupakan satu kaedah untuk menstabilkan harga disebabkan permintaan tinggi semasa musim perayaan. Selain itu, ia juga bertujuan untuk memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan bagi mengaut keuntungan secara keterlaluan pada musim perayaan.

Bagi tahun 2024, Kementerian telah melaksanakan SHMMP TBC yang berakhir pada 14 Februari 2024. Menjelang musim perayaan Hari

Raya Puasa dan Hari Gawai, Kementerian sedang merangka dan telah memulakan sesi libat urus bagi menghadapi musim perayaan akan datang. SHMMP Kaamatan & Gawai telah diperkenalkan dan dilaksanakan sejak tahun 2013.

Sesi libat urus ini akan melihat kepada barang-barang yang menjadi keperluan bagi masyarakat Sarawak dalam menyambut kedua-dua perayaan ini.

Pegawai-pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup akan membuat pemeriksaan di seluruh Negara bagi memastikan peniaga mematuhi undang-undang serta peraturan-peraturan yang berkuat kuasa sepanjang pelaksanaan skim tersebut.

Berdasarkan statistik KPDN, sebanyak 30 siri Program Jualan RAHMAH telah diadakan di P.206 - Tanjong Manis sepanjang tahun 2023 yang melibatkan sebanyak 19 siri di N. 41 - Kuala Rajang dan sebanyak 11 siri di N. 42 – Semop. Jumlah yang telah dilaksanakan di Tanjong Manis telah mencapai sasaran sekurang-kurangnya 2 kali sebulan bagi setiap Parlimen.

Kerajaan khususnya KPDN sememangnya komited untuk terus membantu rakyat di kawasan luar bandar khususnya golongan B40 bagi mengurangkan beban kos sara hidup dengan menawarkan barangan keperluan harian dengan harga lebih murah. Sasaran 2 kali sebulan bagi setiap Parlimen akan diteruskan untuk tahun 2024 ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]**

TARIKH : 7 MAC 2024 (ISNIN)

SOALAN

YB DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan Pilihan Raya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) susulan daripada desakan pihak tertentu agar ia dilaksanakan dengan bermula di ibu negara Kuala Lumpur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, negara kita mengamalkan Sistem Raja Berpelembagaan Demokrasi Berparlimen dan Kerajaan Perpaduan pada hari ini sentiasa menghormati hak rakyat untuk mengundi. Sejarah Pilihan Raya Kerajaan Tempatan (PRKT) telah bermula pada tahun 1857 iaitu sejak 166 tahun yang dahulu. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya telah ditangguhkan pada tahun 1965 ekoran dari konfrontasi antara Malaysia dan Indonesia, dan semenjak itu ia tidak pernah diteruskan lagi.

Pada masa ini, PRKT adalah bukan keutamaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan memfokuskan kepada pembangunan yang boleh membawa manfaat dan mensejahterakan kehidupan rakyat. Seiring dengan ini, usaha KPKT tertumpu kepada:

- (i) menyiapkan lebih 50,000 projek kemudahan awam;
- (ii) memastikan lapan (8) bidang fokus KPKT dilaksanakan;
- (iii) memperkasa komuniti tanpa mengira kaum;
- (iv) pengurusan sisa pepejal bersepadu lebih efektif dan efisien;
- (v) memperkukuh agenda bandar mampan dan pintar;
- (vi) memperkukuh kesiapsiagaan kebombaan dan penyelamat yang sejahtera; dan
- (vii) mempertingkatkan penyediaan taman dan landskap untuk rakyat.

Bagi tahun 2024, KPKT akan terus memberikan keutamaan dalam memastikan perkhidmatan asas PBT diutamakan seperti jalan raya yang rata, tandas awam bersih bertaraf BMW iaitu bersih, menawan dan wangi, lampu yang terang serta longkang yang bersih sebagai misi utama untuk menyampaikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Justeru itu, PRKT ketika waktu ini bukan satu perkara keutamaan pihak Kementerian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah usaha-usaha yang telah diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk membantu negara Palestin menjadi anggota penuh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

JAWAPAN

**YB DATUK MOHAMAD BIN ALAMIN
TIMBALAN MENTERI LUAR NEGERI
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Pasir Gudang** atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sepertimana yang telah dijelaskan kepada Dewan yang mulia ini, Malaysia kekal dengan pendekatan berprinsip iaitu menyokong pengembalian hak mutlak bebas kepada rakyat Palestin daripada pendudukan haram Israel, pengembalian hak tanah yang telah dirampas

SOALAN NO.: 65

dan hak pembentukan sebuah negara Palestin yang merdeka dan berdaulat berdasarkan garis sempadan pra-1967, dengan Baitul Maqdis Timur sebagai ibu negara dan diterima sebagai anggota penuh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

3. Pendirian Malaysia ini bukan sahaja bermula pada 7 Oktober 2023 tetapi ia bertitik tolak kepada perjuangan Palestin yang ditindas oleh rejim Israel sejak 75 tahun yang lalu. Malaysia akan terus lantang dalam menyuarakan enam tuntutan utama iaitu:

- i. Gencatan senjata serta-merta dan bantuan kemanusiaan segera;
- ii. Menghentikan aktiviti penempatan oleh Israel dan tindakan keganasan penduduk haram (atau dengan izin, *settler*);
- iii. Menghentikan serta-merta pemindahan orang awam Palestin secara paksa;
- iv. Siasatan ke atas semua pelanggaran undang-undang antarabangsa melalui institusi perundangan antarabangsa;
- v. Menyokong Inisiatif Keamanan Arab dan rundingan Penyelesaian Dua Negara berdasarkan garis sempadan pra-1967; dan
- vi. Memerangi peningkatan global dalam Islamofobia.

4. Jelas terlihat bahawa Malaysia sentiasa konsisten dalam tindakan memperjuangkan hak-hak asasi Palestin termasuk mengeluarkan kenyataan dalam mesyuarat-mesyuarat dua hala dan pelbagai hala seperti di PBB, Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) dan mana-mana platform dua hala dan pelbagai hala (atau dengan izin, *multilateral*) bagi memperjuangkan isu Palestin.

5. Baru-baru ini, Kementerian Luar Negeri (KLN) yang diketuai oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri bersama-sama dengan Ahli Parlimen Ledang, Sik, Kalabakan dan Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta Md. Ramli telah menjejakkan kaki di bumi Rafah bagi memperlihatkan keadaan sebenar kepada dunia, sokongan Malaysia kepada Palestin dan menzahirkan komitmen berterusan negara dalam

menghulurkan bantuan kemanusiaan berterusan tanpa henti kepada Palestin.

Tuan Yang di-Pertua,

Peranan Malaysia Dalam Memperjuangkan Hak Rakyat Palestin di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (*International Court of Justice – ICJ*)

6. Malaysia juga dengan lantang menggesa masyarakat antarabangsa untuk mengheret Israel ke muka pengadilan atas kekejaman dan tindakan tidak berperikemanusiaan tentera Israel ke atas rakyat Palestin terutama sekali wanita dan kanak-kanak. Atas prinsip ini, Malaysia memberikan sokongan penuh kepada usaha Afrika Selatan untuk mengheret Israel ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada 29 Disember 2023, berhubung pencabulan Israel terhadap kewajipannya di bawah Konvensyen Genosid 1948.

7. Gesaan Malaysia untuk membawa Israel ke muka pengadilan disuarakan di platform-platform antarabangsa terutama sekali di Sidang Kemuncak Tergempar OIC di Riyadh (11 November 2023); Majlis Hak Asasi Manusia di Geneva (12 Disember 2023); Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (*Non-Aligned Movement – NAM*) Ke-19 di Kampala, Uganda (19 -20 Januari 2024); *Third South Summit* di Kampala, Uganda (21-22 Januari 2024); Majlis Keselamatan PBB di New York (23 Januari 2024); dan Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Negeri ASEAN-Kesatuan Eropah Ke-24 dan Forum Menteri Indo-Pasifik Kesatuan Eropah Ke-3 di Brussels (2 Februari 2024).

8. Selain itu, Malaysia juga terlibat aktif dalam prosiding bagi mendapatkan Pendapat Nasihat ICJ berkaitan Kesan Perundangan yang timbul daripada Dasar dan Amalan Israel di Wilayah Pendudukan Palestin, termasuk Baitul Maqdis Timur. Prosiding bagi mendapatkan Pendapat Nasihat ICJ ini adalah terhasil daripada Resolusi 77/247

Perhimpunan Agung PBB yang telah diterima pakai pada 30 Disember 2022, dan ditaja bersama oleh Malaysia.

9. Malaysia telah mengambil bahagian dalam prosiding Pendapat Nasihat ini dengan mengemukakan Kenyataan Bertulis yang telah diserahkan kepada Pendaftar ICJ pada 25 Julai 2023 yang lalu. Antara perkara yang dinyatakan dalam Kenyataan Bertulis Malaysia adalah hujahan berkaitan dasar dan tindakan Israel, termasuklah Pendudukan (*occupation*) berterusan, aktiviti penempatan (*settlement*) dan pengilhakan (*annexation*) di dalam Wilayah Pendudukan Palestin, yang melanggar hak rakyat Palestin untuk penentuan nasib sendiri (*self-determination*). Kenyataan tersebut juga menegaskan bahawa tindakan Pendudukan Israel di Wilayah Pendudukan Palestin adalah haram dan bertentangan dengan undang-undang antarabangsa.

10. Susulan daripada itu, Malaysia juga telah menyertai sesi Pendengaran Awam yang berlangsung dari 19 hingga 26 Februari 2024 di *Peace Palace*, The Hague. Menteri Luar Negeri, YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan, telah membentangkan Kenyataan Lisan Malaysia di Sesi Pendengaran Awam tersebut pada 22 Februari 2024. Kenyataan Lisan tersebut merupakan kesinambungan daripada hujahan yang telah dikemukakan dalam Kenyataan Bertulis Malaysia.

11. Kenyataan Lisan Malaysia, antara lain, menekankan bahawa setiap dasar dan tindakan Israel, termasuklah pembinaan tembok di Wilayah Pendudukan Palestin, pembinaan penempatan, pemusnahan tempat tinggal, pemindahan semula secara paksa dan kawalan ke atas sumber alam, telah melanggar hak penentuan nasib sendiri rakyat Palestin di bawah undang-undang antarabangsa.

12. Selain itu, Malaysia menegaskan bahawa Pendudukan Israel tersebut adalah haram dan menggesa Israel untuk serta-merta menghentikan segala polisi dan tindakan mereka yang melanggar undang-undang antarabangsa, serta menarik diri dari Wilayah Pendudukan Palestin, termasuk Baitul Maqdis Timur.

13. Malaysia turut menggesa semua negara untuk bekerjasama dalam menoktahkan pelanggaran undang-undang berterusan oleh Israel dan menekankan kewajipan PBB untuk terus melaksanakan tanggungjawabnya terhadap isu Palestin.

14. Penyertaan dalam prosiding bagi mendapatkan Pendapat Nasihat ICJ ini adalah penting bagi Malaysia untuk berganding bahu bersama-sama negara sepemikiran dalam mempertahankan hak kemanusiaan Palestin, di samping memperjuangkan supaya Palestin mendapat Negara yang merdeka dan berdaulat, berdasarkan sempadan pra-1967, dengan Baitul Maqdis Timur sebagai ibu negara Palestin.

Usaha Malaysia membantu Negara Palestin menjadi Anggota Penuh PBB

15. Malaysia sejak sekian lama telah menyokong penubuhan Negara Palestin yang bebas dan merdeka, serta menyokong hasrat Palestin untuk menjadi Negara Anggota PBB. Baru-baru ini, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri semasa menyampaikan Kenyataan Negara di Majlis Keselamatan PBB mengenai Situasi di Timur Tengah termasuk Isu Palestin, pada 23 Januari 2024, telah menggesa Majlis Keselamatan PBB untuk menerima Palestin sebagai Negara Anggota Penuh PBB.

16. Yang Berhormat Menteri Luar Negeri telah secara konsisten menyampaikan pendirian Malaysia yang jelas ini di setiap pertemuan dua hala dengan pemimpin-pemimpin dunia lain, dan menekankan kepentingan bagi negara-negara kuasa besar untuk memberikan kepimpinan politik serta moral dalam mencari jalan penyelesaian kepada konflik Palestin.

17. Pada 17 Januari 2024, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan Kempen Kiriman Poskad Khas kepada Setiausaha Agung PBB sebagai tanda simbolik solidariti rakyat Malaysia bagi menyuarakan aspirasi rakyat Malaysia menuntut keadilan dan keamanan di Palestin. Lanjutan itu, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri juga telah menyerahkan koleksi poskad yang ditandatangani oleh barisan Jemaah Menteri kepada Setiausaha Agung PBB, TYT António Guterres, yang menggesa Palestin diterima sebagai Negara Anggota Penuh PBB.

18. Malaysia percaya penerimaan Palestin sebagai anggota penuh akan membantu mencapai solusi jangka panjang, dan mewujudkan sebuah Negara Palestin yang aman, bebas dan merdeka, berdasarkan persempadanan pra-1967, dengan Baitul Maqdis Timur sebagai Ibu Negara.

Agensi Bantuan dan Kerja untuk Pelarian Palestin di Asia Barat (*United Nations Relief and Works Agency for Palestine Refugees in the Near East* (UNRWA))

19. Malaysia menyokong penuh usaha-usaha yang dilakukan oleh Agensi Bantuan dan Kerja untuk Pelarian Palestin di Asia Barat (atau dengan izin, *United Nations Relief and Works Agency for Palestine Refugees in the Near East* - UNRWA). Malaysia merupakan antara negara penyumbang kepada UNRWA sejak tahun 1978.

20. Dalam hal ini, Malaysia berasa amat kesal dengan tindakan beberapa negara yang menggantung pembiayaan kepada UNRWA, ekoran tuduhan rejim Israel bahawa sebilangan kakitangan UNRWA yang dikatakan bersubahat dengan Hamas dan terlibat dengan insiden 7 Oktober 2023.

21. Malaysia berasa sangsi dengan niat rejim Israel memandangkan tuduhan ini dibuat sebaik sahaja ICJ mengarahkan Israel untuk mengambil langkah segera (atau dengan izin, *provisional measures*) bagi menghentikan sebarang serangan berbentuk genosid ke atas Gaza pada 26 Januari 2024.

22. Tindakan penggantungan pembiayaan kepada UNRWA tanpa siasatan menyeluruh akan hanya memburukkan lagi bencana kemanusiaan yang sedang dihadapi oleh rakyat Palestin di Gaza.

23. Sehubungan dengan itu, Malaysia mengalu-alukan tindakan segera Setiausaha Agung PBB untuk memulakan siasatan dalaman melalui *United Nations Office of Internal Oversight Services* (OIOS). Malaysia

SOALAN NO.: 65

menggesa negara-negara yang telah menggantung pembiayaan kepada UNRWA untuk meneruskan semula pembiayaan mereka sebagai tanggungjawab moral ke atas rakyat Palestin di Gaza.

Peranan yang dimainkan oleh Malaysia sebagai Anggota Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNHRC) dalam isu genosid di Gaza dan pengukuhan dasar solidariti Palestin

24. Malaysia terus memberikan sokongan padu dan berterusan kepada Mekanisme-mekanisme di bawah Majlis Hak Asasi Manusia (MHAM) seperti Suruhanjaya Siasatan (atau dengan izin, *Commission of Inquiry*) yang mempunyai mandat khusus untuk mengheret Israel ke muka pengadilan antarabangsa. Malah, Malaysia merupakan antara Negara yang lantang menyokong penubuhan Suruhanjaya Siasatan tersebut, dan memastikan PBB memperuntukkan sumber kewangan dan tenaga kerja yang mencukupi bagi memastikan Suruhanjaya tersebut dapat melaksanakan mandatnya dengan berkesan.

25. Selain itu, Malaysia sentiasa menggesa Pesuruhjaya Tinggi bagi Hak Asasi Manusia untuk merekod segala penindasan dan pencabulan hak asasi rakyat Palestin oleh Israel, untuk tindakan Undang-undang Antarabangsa.

26. Malaysia juga meneraju Resolusi-resolusi di Majlis Hak Asasi Manusia berkaitan Palestin bersama-sama Negara-negara ahli OIC. Resolusi-resolusi tersebut ialah *Human rights situation in the Occupied Palestinian Territory, including East Jerusalem, and the obligation to ensure accountability and justice; Right of the Palestinian people to self-determination; dan Israeli settlements in the Occupied Palestinian Territory, including East Jerusalem, and in the occupied Syrian Golan.*

27. Malaysia bersama-sama dengan Koordinator OIC akan melobi Negara-negara Anggota Majlis Hak Asasi Manusia memperakukan Resolusi-resolusi tersebut melalui undian.

28. Malaysia memastikan Resolusi-resolusi tersebut terus menekankan hak mutlak bebas kepada rakyat Palestin daripada pendudukan haram Israel, pengembalian hak tanah yang telah dirampas dan hak

pembentukan sebuah negara Palestin yang merdeka dan berdaulat berdasarkan garis sempadan pra-1967, dengan Baitul Maqdis Timur sebagai Ibu Negara. Resolusi-resolusi tersebut juga menggesa masyarakat antarabangsa berusaha untuk mengheret Israel ke muka pengadilan antarabangsa.

29. Malaysia juga telah menyertai usaha Palestin untuk mengadakan, dengan izin, *Conference of High Contracting Parties of the Fourth Geneva Convention* bagi membolehkan tindakan undang-undang tegas diambil ke atas Israel yang melanggar peruntukan-peruntukan di bawah Konvensyen tersebut. Setakat ini, 68 buah Negara telah memberikan sokongan untuk mengadakan Persidangan ini. Dalam usaha membantu Palestin, Malaysia secara aktif melobi Negara-negara yang masih belum memberikan sokongan kepada penganjuran Persidangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Bantuan Kemanusiaan untuk Rakyat Palestin

30. Malaysia sentiasa komited dalam menyampaikan bantuan kemanusiaan bagi membantu rakyat Palestin. Ingin ditekankan bahawa sumbangan dan bantuan daripada Malaysia ini disalurkan dengan pelbagai cara dan berjaya dilaksanakan dengan keprihatinan rakyat Malaysia yang menyalurkan sumbangan melalui Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin (AAKRP).

31. Sejumlah 100 tan bantuan kemanusiaan dihantar ke Gaza dengan penerbangan kargo pada bulan November dan Disember 2023 melalui pintu lintasan Rafah-Gaza. Barangan yang dihantar merangkumi ubat-ubatan, peralatan perubatan, makanan, keperluan bayi dan wanita serta bekalan musim sejuk (selimut, khemah dan pakaian). Proses kemasukan barangan ini dipermudahkan di atas kerjasama baik antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Mesir serta kerjasama erat Malaysia menerusi Ops Ihsan dan Persatuan Bulan Sabit Merah Mesir (ERC) selaku Agensi Pelaksana Tunggal bagi menyalurkan bantuan kemanusiaan kepada penduduk Gaza. Ops Ihsan adalah kolaborasi unik merentasi agensi Kerajaan bersama gabungan lebih kurang 50 Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang digerakkan susulan konflik Palestin-Israel yang tercetus

sejak 7 Oktober 2023. Kolaborasi ini dibuat bagi mengatur gerak kerja antara KLN dengan beberapa NGO tempatan, sebagai inisiatif bersama dalam memastikan gerak atur proses bantuan kemanusiaan kepada rakyat Palestin di Gaza menjadi lebih tersusun dan efektif di bawah seliaan KLN. Ops Ihsan ini diterajui oleh KLN dan dianggotai oleh NGO-NGO seperti *Malaysian Humanitarian Relief (MAHAR)*, Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM), *RED A*, *BeVital*, *Global Peace Mission (GPM)* dan lain-lain.

32. Selain itu, Malaysia turut memberikan sumbangan dana kepada organ-organ PBB dan lain-lain agensi bagi kelangsungan hidup rakyat Palestin yang terdesak. Jawatankuasa AAKRP telah menimbang dan meluluskan 13 aktiviti melibatkan dana sebanyak **RM43,004,443.10**. Ia melibatkan kaedah dan pendekatan penyaluran dana berikut:

- 32.1. Pertubuhan Antarabangsa/Serantau seperti *The United Nations Relief and Works Agency for Palestine Refugees in the Near East (UNRWA)* dan *Office for the Coordination of Humanitarian Affairs (OCHA)*;
- 32.2. Kementerian Pendidikan Tinggi bagi kemudahan pembiayaan dan elaun sara hidup untuk pelajar-pelajar Palestin di Malaysia;
- 32.3. Kedutaan Besar Malaysia dan Unit Hal Ehwal Palestin (UHEP) di Amman, Jordan;
- 32.4. NGO tempatan di bawah Ops Ihsan dengan penumpuan awal kepada projek kesinambungan hidup;
- 32.5. Badan-Badan Bukan Kerajaan atau Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) di Jordan, Mesir dan Palestin; dan
- 32.6. Kementerian Awqaf dan Hal Ehwal Islam Jordan bagi penyelenggaraan tahunan Masjid Al-Aqsa.

33. Sumbangan dana ini dilihat memberi impak yang besar terutamanya dalam bantuan kelangsungan dan kelestarian hidup kepada rakyat Palestin tidak kira di mana keberadaan mereka. Sokongan berterusan ini termasuk projek pembangunan semula pasca konflik. Projek ini akan dijalankan secara kolektif dan usahasama oleh Badan-Badan Bukan Kerajaan Malaysia dengan beberapa rakan penaja setelah konflik ini reda.

Tuan Yang di-Pertua,

34. Selaras dengan dasar luar negeri kita di mana perjuangan Palestin merupakan salah satu teras utama, Malaysia sentiasa memberi sokongan padu kepada Kerajaan Palestin dan rakyatnya dalam apa jua keadaan. Sokongan tidak berbelah bahagi Malaysia amat jelas dapat dilihat meliputi semua aspek baik dari segi politik, ekonomi dan penyaluran bantuan kemanusiaan, kewangan, mahupun pembangunan kapasiti, termasuk pembangunan semula infrastruktur.

35. Kementerian akan terus menyampaikan pendirian lantang dan tegas negara di hadapan pemimpin-pemimpin dunia.

36. Dengan ini, Kementerian Luar Negeri ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas perhatian **Yang Berhormat Pasir Gudang** agar Kementerian ini terus memperjuangkan hak rakyat Palestin dalam membantu mencari penyelesaian terbaik terhadap konflik antara Palestin dan Israel.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN NURUL AMIN BIN HAMID
[PADANG TERAP]
TARIKH : 07 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN NURUL AMIN BIN HAMID [PADANG TERAP] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perincian peruntukan RM1.6 bilion untuk pembangunan negeri Kedah yang telah diumumkan Perdana Menteri pada tahun lepas.

JAWAPAN**YB DR ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 19 Februari 2024, peruntukan tahun 2023 bagi negeri Kedah yang diluluskan adalah sebanyak RM1,569,691,700.00, melibatkan 474 projek. Pecahan projek mengikut sektor adalah seperti berikut:

| Bil | Sektor | Bil. Projek | Peruntukan 2023 (RM) | Contoh Projek |
|-----|---------|-------------|----------------------|--|
| 1. | Sosial | 285 | 567,196,200.00 | <p>1. Nama Projek: Pembinaan Bangunan Tambahan Hospital Sultanah Maliha, Langkawi Daerah: Langkawi Kos Projek: RM515,300,000.00</p> <p>2. Nama Projek: Projek Pembangunan Di Pihak Berkuasa Tempatan Kedah Daerah: Pelbagai Daerah Kos Projek: RM137,500,000.00</p> <p>3. Nama Projek: Pembinaan Bangunan Tambahan Hospital Baling, Kedah Daerah: Baling Kos Projek: RM124,697,157.00</p> |
| 2. | Ekonomi | 160 | 891,843,000.00 | <p>1. Nama Projek: NCER - Pembangunan Kawasan Perindustrian & Hab Logistik Di Sidam, Kedah Daerah: Kuala Muda Kos Projek: RM700,000,000.00</p> |

NO SOALAN : 66

| Bil | Sektor | Bil. Projek | Peruntukan 2023 (RM) | Contoh Projek |
|------------|---------------|--------------------|-----------------------------|--|
| | | | | <p>2. Nama Projek: Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kedah/Anak Bukit Daerah: Kota Setar Kos Projek: RM641,351,400.00</p> <p>3. Nama Projek: Menaiktaraf Laluan 7 Dari Persimpangan Lencongan Barat Ke Persimpangan Simpang Tiga Kemboja, Kedah Daerah: Kota Setar Kos Projek: RM575,545,000.00</p> |
| 3. | Pentadbiran | 17 | 47,630,500.00 | <p>1. Nama Projek: Pembinaan Mahkamah Baharu Sik, Kedah Daerah: Sik Kos Projek: RM30,000,000.00</p> <p>2. Nama Projek: UUM - Menaik Taraf Infrastruktur Dan Penggantian Kemudahan Usang Di Kampus Utama Daerah: Kubang Pasu Kos Projek: RM15,000,000.00</p> <p>3. Nama Projek: Menaik Taraf Fasiliti Intan Wilayah Utara (INTURA), Kedah Daerah: Kuala Muda Kos Projek: RM13,000,000.00</p> |
| 4. | Keselamatan | 12 | 63,022,000.00 | <p>1. Nama Projek: Pembinaan Sebuah Poliklinik Kesihatan Angkatan Tentera Di Kem Lapangan Terbang Sg. Petani Kedah Daerah: Kuala Muda Kos Projek: RM39,442,000.00</p> |

NO SOALAN : 66

| Bil | Sektor | Bil. Projek | Peruntukan 2023 (RM) | Contoh Projek |
|--------------------|--------|-------------|-------------------------|--|
| | | | | <p>2. Nama Projek: Pembinaan Satu Blok Sekolah Dan Menaik Taraf PUSPEN Karangan, Kedah Daerah: Kulim Kos Projek: RM17,000,000.00</p> <p>3. Nama Projek: Pembaikan Dan Penggantian Lif-Lif Di Premis PDRM Kedah Daerah: Kota Setar Kos Projek: RM6,970,000.00</p> |
| Jumlah Keseluruhan | | 474 | 1,569,691,700.00 | |

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI]

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

YB TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tentang isu tapak sampah haram di Bandar Mahkota Cheras dan Twin Palms Sungai Long iaitu:

- (a) langkah-langkah yang diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengatasi aduan pencemaran udara dan bau busuk; dan
- (b) bantuan dan sokongan yang diberikan oleh pihak Kementerian kepada PBT.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui SWCorp dari semasa ke semasa sentiasa melaksanakan penguatkuasaan dan pemantauan berkala ke atas tapak pelupusan haram sekaligus memastikan tindakan diambil terhadap tapak pelupusan sampah haram tersebut bagi negeri-negeri yang menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672]. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SWCorp telah berjaya membersihkan 2093 tapak

SOALAN NO : 67

pelupusan sampah haram pada 2023. Walau bagaimanapun, bagi negeri-negeri yang tidak menerima pakai Akta 672 seperti Selangor, pemantauan dan penguatkuasaan sampah haram adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sehubungan itu, Bandar Mahkota Cheras dan Twin Palms Sungai Long adalah di bawah bidang kuasa Majlis Perbandaran Kajang (MPKj).

Berdasarkan maklumat daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, pihak MPKj telah membelanjakan sebanyak RM400,000 untuk kerja-kerja penutupan selamat di tapak sampah haram Twin Palms Sungai Long dan RM40,000 untuk tujuan pemadaman kebakaran di tapak sampah haram Bandar Mahkota Cheras. Pihak MPKj juga telah mengeluarkan *Letter of Demand* (LOD) kepada pemilik-pemilik tanah untuk menuntut pembayaran semula kos yang telah dikeluarkan sehingga kini. Di samping itu, Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat juga telah mengeluarkan Notis 7A, Kanun Tanah Negara bagi tujuan pemulihan tanah di mana sekiranya tanah tidak dipulihkan dalam tempoh masa yang ditetapkan, tindakan perampasan tanah boleh dibuat.

Selain itu, pihak MPKj telah menyita 30 buah lori yang didapati membuang sampah di tapak sampah haram Bandar Mahkota Cheras dan membuat lubang besar di ruang masuk tapak tersebut bagi mengelakkan lori-lori sampah sampai ke lokasi tapak. Bagi tapak sampah haram Twin Palms Sungai Long pula telah dipastikan bahawa tiada lagi aktiviti pembuangan sampah haram yang beroperasi.

Buat masa ini, oleh kerana negeri Selangor masih belum menerima pakai Akta 672, maka KPKT masih tidak dapat menyalurkan bantuan bagi tujuan pengurusan sisa pepejal. Sehubungan itu, KPKT mengalu-alukan agar negeri Selangor dapat menerima pakai Akta 672 bagi memastikan pengurusan sisa pepejal yang lebih berkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : Y.B. TUAN SYED SADDIQ BIN SYED
ABDUL RAHMAN [MUAR]**
TARIKH : 07 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN [MUAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan isu pemansuhan pencen penjawat awam baharu dan adakah pihak Kerajaan bersedia untuk menawarkan gaji yang setaraf dengan sektor swasta jika pencen penjawat awam dimansuhkan.

JAWAPAN

**YB DR ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, gaji dalam Perkhidmatan Awam dibentuk berdasarkan kepada:

- a. prinsip kadar upah untuk kerja (*rate for the job*);
- b. kelayakan masuk dan latihan; dan
- c. relativiti dan pariti serta perbandingan yang adil.

2. Selain daripada gaji pokok, penjawat awam turut menerima elaun seperti imbuhan tetap, bayaran imbuhan, bayaran balik dan lain-lain elaun mengikut syarat kelayakan. Jumlah pendapatan bulanan yang diterima oleh penjawat awam juga bukanlah suatu amaun yang statik kerana kenaikan gaji tahunan (KGT) juga akan diterima apabila genap setiap tahun perkhidmatan tertakluk kepada prestasi pegawai.

3. Walau bagaimanapun, Kerajaan menyedari bahawa terdapat keperluan mendesak untuk semakan struktur saraan perkhidmatan awam dilaksanakan, berikutan kali terakhir semakan saraan diadakan adalah pada tahun 2012. Oleh itu, Kerajaan pada masa ini sedang melaksanakan kajian penambahbaikan struktur gaji Perkhidmatan Awam yang merupakan salah satu daripada komponen kajian di bawah Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA).

4. Sebagai bukti komitmen Kerajaan, YAB Perdana Menteri sendiri telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (JIKSPA) Bilangan 2 Tahun 2024 pada 13 Februari 2024 bagi membincangkan cadangan penambahbaikan struktur gaji Perkhidmatan Awam terutamanya berkaitan aspek meningkatkan pendapatan boleh guna Pegawai Perkhidmatan Awam dengan

mengambil kira pelbagai faktor termasuklah penetapan gaji di sektor swasta seperti pelaksanaan Perintah Gaji Minimum (PGM) 2022.

5. Penambahbaikan struktur saraan perkhidmatan awam ini ditumpukan kepada peningkatan pendapatan boleh guna penjawat awam seiring dengan peningkatan kos sara hidup semasa, di samping menekankan kewajaran pelaksanaannya berdasarkan prinsip komitmen dan amanah yang dipegang oleh penjawat awam untuk berkhidmat kepada negara.

6. Sehubungan itu, secara umumnya cadangan kaedah baharu pelantikan secara tetap kelak tidak akan mengubah struktur saraan yang dinikmati oleh pegawai lantikan tetap dan berpencen sedia ada. Dalam hal ini, faedah persaraan bagi pegawai lantikan tetap yang baharu adalah berdasarkan kepada caruman kepada kumpulan wang yang akan ditentukan kelak.

7. Cadangan penambahbaikan struktur gaji Perkhidmatan Awam dijangka akan dimuktamad dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri selewat-lewatnya pada awal suku kedua tahun 2024 untuk pertimbangan. Keputusan berkenaan penambahbaikan ini dijangka akan diumumkan semasa pembentangan Belanjawan 2025 kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE
[SANDAKAN]**

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan jika Kementerian telah mengambil langkah wajar dalam membuat pertemuan dengan kedutaan dan pesuruhannya tinggi asing di negara ini bagi meyakinkan mereka untuk menyemak semula nasihat perjalanan semasa rakyat mereka ke Pantai Timur Sabah, yang mana ia telah menjejaskan pembangunan ekonomi secara negatif, terutamanya industri pelancongan.

JAWAPAN

**YB DATUK MOHAMAD BIN ALAMIN
TIMBALAN MENTERI LUAR NEGERI
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sandakan atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Malaysia sentiasa peka dan prihatin terhadap nasihat perjalanan yang dikeluarkan

SOALAN NO.: 69

oleh kerajaan asing yang melibatkan Malaysia. Nasihat perjalanan ini merupakan satu amalan biasa sebagai langkah mewaspadai keselamatan rakyat mereka yang berhasrat untuk melakukan perjalanan ke sesebuah negara. Namun begitu, pengemaskinian terhadap nasihat perjalanan oleh negara-negara tersebut sentiasa dilakukan secara berkala, mengambil kira penilaian terhadap situasi semasa dan tahap keselamatan negara berkenaan.

3. Pada masa ini, masih terdapat beberapa buah negara yang masih lagi mengekalkan nasihat perjalanan kepada rakyat mereka, khususnya ke kawasan Pantai Timur Sabah mengambil kira situasi keselamatan yang dinilai oleh negara tersebut dari semasa ke semasa. Hal ini mengambil kira perintah berkurung di Perintah Berkurung di Zon Selamat Timur Sabah (ESSZONE) yang kini dijenamakan sebagai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ESSZONE mulai 17 Oktober 2023 dari jam 6 petang hingga 6 pagi, masih lagi berkuat kuasa.

4. Melalui pertemuan-pertemuan dan mesyuarat-mesyuarat yang melibatkan pegawai-pegawai kanan Kementerian Luar Negeri dengan Perwakilan-perwakilan Asing di Malaysia, pelbagai isu hubungan dua hala, serantau dan pelbagai hala serta isu keselamatan dibincangkan, termasuk nasihat perjalanan yang dikeluarkan oleh negara asing.

5. Pada masa yang sama, Kementerian Luar Negeri juga berperanan dalam menggalakkan dan memudah cara pertemuan dan perbincangan antara Perwakilan-perwakilan Asing di Malaysia dengan kepimpinan tertinggi negara serta Kerajaan-kerajaan Negeri, termasuk Negeri Sabah.

6. Kementerian Luar Negeri akan terus bekerjasama rapat dengan Kerajaan-kerajaan negeri termasuk Negeri Sabah dalam usaha mempertingkatkan promosi pelancongan negara melalui perbincangan dan libat urus bersama Pejabat-pejabat Kedutaan dan Pesuruhjaya Tinggi asing di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR
[KUANTAN]**

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR [KUANTAN] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan dengan kerjasama negara lain bagi memfailkan kes pembunuhan beramai-ramai secara terancang terhadap rakyat Palestin yang dilakukan oleh rejim Israel ke muka pengadilan di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ).

JAWAPAN

**YB DATUK MOHAMAD BIN ALAMIN
TIMBALAN MENTERI LUAR NEGERI
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Kuantan** atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sepertimana yang telah dijelaskan kepada Dewan yang mulia ini, Malaysia kekal dengan pendekatan berprinsip iaitu menyokong pengembalian hak mutlak bebas kepada rakyat Palestin daripada pendudukan haram Israel, pengembalian hak tanah yang telah dirampas dan hak pembentukan sebuah negara Palestin yang merdeka dan berdaulat berdasarkan garis sempadan pra-1967, dengan Baitul Maqdis Timur sebagai ibu negara dan diterima sebagai anggota penuh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

3. Pendirian Malaysia ini bukan sahaja bermula pada 7 Oktober 2023 tetapi ia bertitik tolak kepada perjuangan Palestin yang ditindas oleh rejim Israel sejak 75 tahun yang lalu. Malaysia akan terus lantang dalam menyuarakan enam tuntutan utama iaitu:

- i. Gencatan senjata serta-merta dan bantuan kemanusiaan segera;
- ii. Menghentikan aktiviti penempatan oleh Israel dan tindakan keganasan penduduk haram (atau dengan izin, *settler*);
- iii. Menghentikan serta-merta pemindahan orang awam Palestin secara paksa;
- iv. Siasatan ke atas semua pelanggaran undang-undang antarabangsa melalui institusi perundangan antarabangsa;
- v. Menyokong Inisiatif Keamanan Arab dan rundingan Penyelesaian Dua Negara berdasarkan garis sempadan pra-1967; dan

vi. Memerangi peningkatan global dalam Islamofobia.

4. Jelas terlihat bahawa Malaysia sentiasa konsisten dalam tindakan memperjuangkan hak-hak asasi Palestin termasuk mengeluarkan kenyataan dalam mesyuarat-mesyuarat dua hala dan pelbagai hala seperti di PBB, Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) dan mana-mana platform dua hala dan pelbagai hala (atau dengan izin, *multilateral*) bagi memperjuangkan isu Palestin.

5. Baru-baru ini, Kementerian Luar Negeri (KLN) yang diketuai oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri bersama-sama dengan Ahli Parlimen Ledang, Sik, Kalabakan dan Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hattta Md. Ramli telah menjejakkan kaki di bumi Rafah bagi memperlihatkan keadaan sebenar kepada dunia, sokongan Malaysia kepada Palestin dan menzahirkan komitmen berterusan negara dalam menghulurkan bantuan kemanusiaan berterusan tanpa henti kepada Palestin.

Tuan Yang di-Pertua,

Peranan Malaysia Dalam Memperjuangkan Hak Rakyat Palestin di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (*International Court of Justice – ICJ*)

6. Malaysia juga dengan lantang menggesa masyarakat antarabangsa untuk mengheret Israel ke muka pengadilan atas kekejaman dan tindakan tidak berperikemanusiaan tentera Israel ke atas rakyat Palestin terutama sekali wanita dan kanak-kanak. Atas prinsip ini, Malaysia memberikan sokongan penuh kepada usaha Afrika Selatan untuk mengheret Israel ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada 29 Disember 2023, berhubung pencabulan Israel terhadap kewajipannya di bawah Konvensyen Genosid 1948.

7. Gesaan Malaysia untuk membawa Israel ke muka pengadilan disuarakan di platform-platform antarabangsa terutama sekali di Sidang Kemuncak Tergempar OIC di Riyadh (11 November 2023); Majlis Hak Asasi Manusia di Geneva (12 Disember 2023); Sidang Kemuncak

Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (*Non-Aligned Movement – NAM*) Ke-19 di Kampala, Uganda (19 -20 Januari 2024); *Third South Summit* di Kampala, Uganda (21-22 Januari 2024); Majlis Keselamatan PBB di New York (23 Januari 2024); dan Mesyuarat Menteri-Menteri Luar Negeri ASEAN-Kesatuan Eropah Ke-24 dan Forum Menteri Indo-Pasifik Kesatuan Eropah Ke-3 di Brussels (2 Februari 2024).

8. Selain itu, Malaysia juga terlibat aktif dalam prosiding bagi mendapatkan Pendapat Nasihat ICJ berkaitan Kesan Perundangan yang timbul daripada Dasar dan Amalan Israel di Wilayah Pendudukan Palestin, termasuk Baitul Maqdis Timur. Prosiding bagi mendapatkan Pendapat Nasihat ICJ ini adalah terhasil daripada Resolusi 77/247 Perhimpunan Agung PBB yang telah diterima pakai pada 30 Disember 2022, dan ditaja bersama oleh Malaysia.

9. Malaysia telah mengambil bahagian dalam prosiding Pendapat Nasihat ini dengan mengemukakan Kenyataan Bertulis yang telah diserahkan kepada Pendaftar ICJ pada 25 Julai 2023 yang lalu. Antara perkara yang dinyatakan dalam Kenyataan Bertulis Malaysia adalah hujahan berkaitan dasar dan tindakan Israel, termasuklah Pendudukan (*occupation*) berterusan, aktiviti penempatan (*settlement*) dan pengilhakan (*annexation*) di dalam Wilayah Pendudukan Palestin, yang melanggar hak rakyat Palestin untuk penentuan nasib sendiri (*self-determination*). Kenyataan tersebut juga menegaskan bahawa tindakan Pendudukan Israel di Wilayah Pendudukan Palestin adalah haram dan bertentangan dengan undang-undang antarabangsa.

10. Susulan daripada itu, Malaysia juga telah menyertai sesi Pendengaran Awam yang berlangsung dari 19 hingga 26 Februari 2024 di Peace Palace, The Hague. Menteri Luar Negeri, YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan, telah membentangkan Kenyataan Lisan Malaysia di Sesi Pendengaran Awam tersebut pada 22 Februari 2024. Kenyataan Lisan tersebut merupakan kesinambungan daripada hujahan yang telah dikemukakan dalam Kenyataan Bertulis Malaysia.

11. Kenyataan Lisan Malaysia, antara lain, menekankan bahawa setiap dasar dan tindakan Israel, termasuklah pembinaan tembok di Wilayah Pendudukan Palestin, pembinaan penempatan, pemusnahan tempat tinggal, pemindahan semula secara paksa dan kawalan ke atas sumber alam, telah melanggar hak penentuan nasib sendiri rakyat Palestin di bawah undang-undang antarabangsa.

12. Selain itu, Malaysia menegaskan bahawa Pendudukan Israel tersebut adalah haram dan menggesa Israel untuk serta-merta menghentikan segala polisi dan tindakan mereka yang melanggar undang-undang antarabangsa, serta menarik diri dari Wilayah Pendudukan Palestin, termasuk Baitul Maqdis Timur.

13. Malaysia turut menggesa semua negara untuk bekerjasama dalam menoktahkan pelanggaran undang-undang berterusan oleh Israel dan menekankan kewajipan PBB untuk terus melaksanakan tanggungjawabnya terhadap isu Palestin.

14. Penyertaan dalam prosiding bagi mendapatkan Pendapat Nasihat ICJ ini adalah penting bagi Malaysia untuk berganding bahu bersama-sama negara sepemikiran dalam mempertahankan hak kemanusiaan Palestin, di samping memperjuangkan supaya Palestin mendapat Negara yang merdeka dan berdaulat, berdasarkan sempadan pra-1967, dengan Baitul Maqdis Timur sebagai ibu negara Palestin.

Usaha Malaysia membantu Negara Palestin menjadi Anggota Penuh PBB

15. Malaysia sejak sekian lama telah menyokong penubuhan Negara Palestin yang bebas dan merdeka, serta menyokong hasrat Palestin untuk menjadi Negara Anggota PBB. Baru-baru ini, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri semasa menyampaikan Kenyataan Negara di Majlis Keselamatan PBB mengenai Situasi di Timur Tengah termasuk Isu Palestin, pada 23 Januari 2024, telah menggesa Majlis Keselamatan PBB untuk menerima Palestin sebagai Negara Anggota Penuh PBB.

16. Yang Berhormat Menteri Luar Negeri telah secara konsisten menyampaikan pendirian Malaysia yang jelas ini di setiap pertemuan dua hala dengan pemimpin-pemimpin dunia lain, dan menekankan kepentingan bagi negara-negara kuasa besar untuk memberikan kepimpinan politik serta moral dalam mencari jalan penyelesaian kepada konflik Palestin.

17. Pada 17 Januari 2024, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melancarkan Kempen Kiriman Poskad Khas kepada Setiausaha Agung PBB sebagai tanda simbolik solidariti rakyat Malaysia bagi menyuarakan aspirasi rakyat Malaysia menuntut keadilan dan keamanan di Palestin. Lanjutan itu, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri juga telah menyerahkan koleksi poskad yang ditandatangani oleh barisan Jemaah Menteri kepada Setiausaha Agung PBB, TYT António Guterres, yang menggesa Palestin diterima sebagai Negara Anggota Penuh PBB.

18. Malaysia percaya penerimaan Palestin sebagai anggota penuh akan membantu mencapai solusi jangka panjang, dan mewujudkan sebuah Negara Palestin yang aman, bebas dan merdeka, berdasarkan persempadanan pra-1967, dengan Baitul Maqdis Timur sebagai Ibu Negara.

Agensi Bantuan dan Kerja untuk Pelarian Palestin di Asia Barat (*United Nations Relief and Works Agency for Palestine Refugees in the Near East* (UNRWA))

19. Malaysia menyokong penuh usaha-usaha yang dilakukan oleh Agensi Bantuan dan Kerja untuk Pelarian Palestin di Asia Barat (atau dengan izin, *United Nations Relief and Works Agency for Palestine Refugees in the Near East* - UNRWA). Malaysia merupakan antara negara penyumbang kepada UNRWA sejak tahun 1978.

20. Dalam hal ini, Malaysia berasa amat kesal dengan tindakan beberapa negara yang menggantung pembiayaan kepada UNRWA, ekoran tuduhan rejim Israel bahawa sebilangan kakitangan UNRWA yang

dikatakan bersubahat dengan Hamas dan terlibat dengan insiden 7 Oktober 2023.

21. Malaysia berasa sangsi dengan niat rejim Israel memandangkan tuduhan ini dibuat sebaik sahaja ICJ mengarahkan Israel untuk mengambil langkah segera (atau dengan izin, *provisional measures*) bagi menghentikan sebarang serangan berbentuk genosid ke atas Gaza pada 26 Januari 2024.

22. Tindakan penggantungan pembiayaan kepada UNRWA tanpa siasatan menyeluruh akan hanya memburukkan lagi bencana kemanusiaan yang sedang dihadapi oleh rakyat Palestin di Gaza.

23. Sehubungan dengan itu, Malaysia mengalu-alukan tindakan segera Setiausaha Agung PBB untuk memulakan siasatan dalaman melalui *United Nations Office of Internal Oversight Services* (OIOS). Malaysia menggesa negara-negara yang telah menggantung pembiayaan kepada UNRWA untuk meneruskan semula pembiayaan mereka sebagai tanggungjawab moral ke atas rakyat Palestin di Gaza.

Peranan yang dimainkan oleh Malaysia sebagai Anggota Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNHRC) dalam isu genosid di Gaza dan pengukuhan dasar solidariti Palestin

24. Malaysia terus memberikan sokongan padu dan berterusan kepada Mekanisme-mekanisme di bawah Majlis Hak Asasi Manusia (MHAM) seperti Suruhanjaya Siasatan (atau dengan izin, *Commission of Inquiry*) yang mempunyai mandat khusus untuk mengheret Israel ke muka pengadilan antarabangsa. Malah, Malaysia merupakan antara Negara yang lantang menyokong penubuhan Suruhanjaya Siasatan tersebut, dan memastikan PBB memperuntukkan sumber kewangan dan tenaga kerja yang mencukupi bagi memastikan Suruhanjaya tersebut dapat melaksanakan mandatnya dengan berkesan.

25. Selain itu, Malaysia sentiasa menggesa Pesuruhjaya Tinggi bagi Hak Asasi Manusia untuk merekod segala penindasan dan pencabulan

hak asasi rakyat Palestin oleh Israel, untuk tindakan Undang-undang Antarabangsa.

26. Malaysia juga meneraju Resolusi-resolusi di Majlis Hak Asasi Manusia berkaitan Palestin bersama-sama Negara-negara ahli OIC. Resolusi-resolusi tersebut ialah *Human rights situation in the Occupied Palestinian Territory, including East Jerusalem, and the obligation to ensure accountability and justice; Right of the Palestinian people to self-determination; dan Israeli settlements in the Occupied Palestinian Territory, including East Jerusalem, and in the occupied Syrian Golan.*

27. Malaysia bersama-sama dengan Koordinator OIC akan melobi Negara-negara Anggota Majlis Hak Asasi Manusia memperakukan Resolusi-resolusi tersebut melalui undian.

28. Malaysia memastikan Resolusi-resolusi tersebut terus menekankan hak mutlak bebas kepada rakyat Palestin daripada pendudukan haram Israel, pengembalian hak tanah yang telah dirampas dan hak pembentukan sebuah negara Palestin yang merdeka dan berdaulat berdasarkan garis sempadan pra-1967, dengan Baitul Maqdis Timur sebagai Ibu Negara. Resolusi-resolusi tersebut juga menggesa masyarakat antarabangsa berusaha untuk mengheret Israel ke muka pengadilan antarabangsa.

29. Malaysia juga telah menyertai usaha Palestin untuk mengadakan, dengan izin, *Conference of High Contracting Parties of the Fourth Geneva Convention* bagi membolehkan tindakan undang-undang tegas diambil ke atas Israel yang melanggar peruntukan-peruntukan di bawah Konvensyen tersebut. Setakat ini, 68 buah Negara telah memberikan sokongan untuk mengadakan Persidangan ini. Dalam usaha membantu Palestin, Malaysia secara aktif melobi Negara-negara yang masih belum memberikan sokongan kepada penganjuran Persidangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Bantuan Kemanusiaan untuk Rakyat Palestin

30. Malaysia sentiasa komited dalam menyampaikan bantuan kemanusiaan bagi membantu rakyat Palestin. Ingin ditekankan bahawa sumbangan dan bantuan daripada Malaysia ini disalurkan dengan pelbagai cara dan berjaya dilaksanakan dengan keprihatinan rakyat Malaysia yang menyalurkan sumbangan melalui Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin (AAKRP). Sejak tahun 2002, Wisma Putra mengendalikan AAKRP yang ditubuhkan di bawah subseksyen 9(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

31. Sejumlah 100 tan bantuan kemanusiaan dihantar ke Gaza dengan penerbangan kargo pada bulan November dan Disember 2023 melalui pintu lintasan Rafah-Gaza. Barangan yang dihantar merangkumi ubat-ubatan, peralatan perubatan, makanan, keperluan bayi dan wanita serta bekalan musim sejuk (selimut, khemah dan pakaian). Proses kemasukan barangan ini dipermudahkan di atas kerjasama baik antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Mesir serta kerjasama erat Malaysia menerusi Ops Ihsan dan Persatuan Bulan Sabit Merah Mesir (ERC) selaku Agensi Pelaksana Tunggal bagi menyalurkan bantuan kemanusiaan kepada penduduk Gaza. Ops Ihsan adalah kolaborasi unik merentasi agensi Kerajaan bersama gabungan lebih kurang 50 Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang digerakkan susulan konflik Palestin-Israel yang tercetus sejak 7 Oktober 2023. Kolaborasi ini dibuat bagi mengatur gerak kerja antara KLN dengan beberapa NGO tempatan, sebagai inisiatif bersama dalam memastikan gerak atur proses bantuan kemanusiaan kepada rakyat Palestin di Gaza menjadi lebih tersusun dan efektif di bawah seliaan KLN. Ops Ihsan ini diterajui oleh KLN dan dianggotai oleh NGO-NGO seperti *Malaysian Humanitarian Relief (MAHAR)*, *Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM)*, *RED A*, *BeVital*, *Global Peace Mission (GPM)* dan lain-lain.

32. Selain itu, Malaysia turut memberikan sumbangan dana kepada organ-organ PBB dan lain-lain agensi bagi kelangsungan hidup rakyat Palestin yang terdesak. Jawatankuasa AAKRP telah menimbang dan

meluluskan 13 aktiviti melibatkan dana sebanyak **RM43,004,443.10**. Ia melibatkan kaedah dan pendekatan penyaluran dana berikut:

- 32.1. Pertubuhan Antarabangsa/Serantau seperti *The United Nations Relief and Works Agency for Palestine Refugees in the Near East* (UNRWA) dan *Office for the Coordination of Humanitarian Affairs* (OCHA);
- 32.2. Kementerian Pendidikan Tinggi bagi kemudahan pembiayaan dan elaun sara hidup untuk pelajar-pelajar Palestin di Malaysia;
- 32.3. Kedutaan Besar Malaysia dan Unit Hal Ehwal Palestin (UHEP) di Amman, Jordan;
- 32.4. NGO tempatan di bawah Ops Ihsan dengan penumpuan awal kepada projek kesinambungan hidup;
- 32.5. Badan-Badan Bukan Kerajaan atau Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) di Jordan, Mesir dan Palestin; dan
- 32.6. Kementerian Awqaf dan Hal Ehwal Islam Jordan bagi penyelenggaraan tahunan Masjid Al-Aqsa.

33. Sumbangan dana ini dilihat memberi impak yang besar terutamanya dalam bantuan kelangsungan dan kelestarian hidup kepada rakyat Palestin tidak kira di mana keberadaan mereka. Sokongan berterusan ini termasuk projek pembangunan semula pasca konflik. Projek ini akan dijalankan secara kolektif dan usahasama oleh Badan-Badan Bukan Kerajaan Malaysia dengan beberapa rakan penaja setelah konflik ini reda.

Tuan Yang di-Pertua,

34. Selaras dengan dasar luar negeri kita di mana perjuangan Palestin merupakan salah satu teras utama, Malaysia sentiasa memberi sokongan padu kepada Kerajaan Palestin dan rakyatnya dalam apa jua keadaan. Sokongan tidak berbelah bahagi Malaysia amat jelas dapat dilihat meliputi semua aspek baik dari segi politik, ekonomi dan penyaluran bantuan kemanusiaan, kewangan, mahupun pembangunan kapasiti, termasuk pembangunan semula infrastruktur.

SOALAN NO.: 70

35. Kementerian akan terus menyampaikan pendirian lantang dan tegas negara di hadapan pemimpin-pemimpin dunia.

36. Dengan ini, Kementerian Luar Negeri ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas perhatian **Yang Berhormat Kuantan** agar Kementerian ini terus memperjuangkan hak rakyat Palestin dalam membantu mencari penyelesaian terbaik terhadap konflik antara Palestin dan Israel.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN
BANDY [KALABAKAN]**

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN BANDY [KALABAKAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk melaksanakan urusan kajian persempadanan semula negeri Sabah pada masa terdekat memandangkan tempoh persempadanan sedia ada akan berakhir pada tahun 2025.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Urusan kajian semula persempadanan terhadap bahagian-bahagian pilihan raya sedia ada, hanya boleh dilaksanakan selepas tamat lat tempoh 8 tahun atau terdapat pindaan undang-undang ke atas komposisi bilangan keanggotaan Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri.
2. Bagi maksud tersebut, lat tempoh 8 tahun bagi kajian semula persempadanan Negeri Sabah pada tahun 2025.
3. Sesuatu syor kajian persempadanan semula hanya akan dimulakan apabila terdapat pemberitahuan kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan YAB Perdana Menteri oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) serta disiarkan suatu notis sebagaimana yang diperuntukkan dibawah Bahagian II, Seksyen 4, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan.
4. SPR menjalankan urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Persekutuan dan negeri berlandaskan kepada prinsip-prinsip dan tatacara persempadanan yang ditetapkan di bawah Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta menurut bidang kuasa SPR yang diperuntukkan di bawah Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan.
5. Berdasarkan peruntukan yang ditetapkan oleh Perlembagaan, prinsip-prinsip persempadanan yang dipegang oleh SPR adalah seperti berikut:

NO SOALAN : 71

- i. Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih keluar mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak merentasi sempadan negeri;
- ii. Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihanraya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;
- iii. Jumlah pemilih yang lebih kurang sama banyak bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesebuah Negeri kecuali apabila terdapat kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan; dan
- iv. Mengekalkan hubungan masyarakat tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bentuk kerjasama antara Malaysia dengan Kerajaan Vietnam bagi menangani pencerobohan perairan negara oleh nelayan Vietnam sebagaimana dipersetujui dalam pertemuan antara YAB Perdana Menteri dengan Presiden Vietnam pada November tahun lepas.

JAWAPAN

**YB DATUK MOHAMAD BIN ALAMIN
TIMBALAN MENTERI LUAR NEGERI
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dungun atas pertanyaan yang dikemukakan berhubung kerjasama antara Malaysia dan Kerajaan Vietnam bagi menangani pencerobohan perairan negara oleh nelayan Vietnam sebagaimana dipersetujui dalam pertemuan YAB Perdana Menteri dengan Presiden Vietnam pada November 2023.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Isu pencerobohan oleh nelayan-nelayan asing dari negara tetangga ke perairan dan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) secara langsung telah dan akan menggugat kelestarian industri perikanan, serta mengganggu pertumbuhan ekosistem perairan negara. Isu pencerobohan ini juga sering menjadi topik perbincangan dalam mesyuarat-mesyuarat dua hala, dan perlu ditadbir urus secara teliti bagi menjaga kepentingan negara.

3. Kerajaan sentiasa memberi perhatian serius kepada insiden-insiden pencerobohan perairan negara oleh nelayan-nelayan Vietnam. Semasa pertemuan di antara YAB Perdana Menteri dengan Presiden Vietnam, Vo Van Thuong, di sela-sela Persidangan APEC ke-30 pada 16 November 2023 di San Francisco, Amerika Syarikat, YAB Perdana Menteri sekali lagi telah membangkitkan isu pencerobohan nelayan Vietnam kepada Presiden Vietnam. Semasa pertemuan tersebut, kedua-dua Pemimpin telah bersetuju supaya Malaysia membantu usaha Vietnam membaiki tatakelola dan penguatkuasaan terhadap aktiviti perikanan oleh nelayan-nelayan Vietnam.

4. Isu ini juga sentiasa dibincangkan di Mesyuarat Suruhanjaya Bersama (*Joint Commission Meeting - JCM*) di peringkat Menteri Luar Negeri serta Dialog Strategik Pegawai Kanan (*Senior Officials' Strategic Dialogue - SOSD*) di peringkat pegawai kanan Kementerian Luar Negeri. Semasa Mesyuarat Suruhanjaya Bersama ke-7 Malaysia-Vietnam (*7th Joint Commission Meeting Malaysia-Vietnam*) yang telah diadakan pada 20 Julai 2023 di Hanoi, pihak Malaysia telah membangkitkan isu pencerobohan nelayan Vietnam di perairan negara, di mana pihak Vietnam telah bersetuju untuk memberi kerjasama dalam menangani isu ini.

5. Dalam masa yang sama, Malaysia juga sentiasa mengambil tindakan segera dengan menghantar Nota Bantahan (*Protest Note*) melalui Kementerian Luar Negeri kepada Kerajaan Vietnam, bagi menzahirkan kebimbangan Malaysia terhadap insiden-insiden pencerobohan yang semakin meningkat. Sejak tahun 2006 sehingga bulan Mei 2023, sebanyak 1,655 bot nelayan asing Vietnam dan 14,174 anak kapal daripada Vietnam telah ditahan oleh pihak berkuasa Malaysia kerana menceroboh perairan Malaysia.

SOALAN NO : 72

6. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Vietnam juga telah dikenakan amaran 'kad kuning' (*yellow card*) oleh Suruhanjaya Eropah (*European Commission* - EC) atas kegagalan negara tersebut mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk mencegah pencerobohan nelayan mereka di perairan negara asing. Sekiranya perkara ini berterusan, Vietnam boleh dikenakan 'kad merah' (*red card*) oleh EC yang boleh menyebabkan larangan eksport hasil laut dari Vietnam ke negara-negara EU. Tekanan yang diberikan oleh EC kepada Vietnam telah meningkatkan lagi komitmen Vietnam untuk memperluas kesedaran dalam kalangan nelayan-nelayannya untuk tidak menceroboh perairan asing terutamanya di perairan Malaysia.

7. Kementerian Luar Negeri berpendirian bahawa perairan negara merupakan sumber ekonomi biru dan ianya adalah isu kedaulatan yang perlu dipertahankan serta dilindungi. Kementerian Luar Negeri akan terus memainkan peranan membantu kementerian dan agensi berkaitan dalam usaha mencari penyelesaian kepada isu pencerobohan perairan negara melalui mekanisme dua hala atau kerjasama serantau.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN
ABDULLAH [ROMPIN]**

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

YB DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH [ROMPIN] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian ingin memperkenalkan satu rang undang-undang baharu bagi mengekang monopoli pemilikan rumah oleh golongan T20 yang menyebabkan golongan M40 dan B40 yang masih tidak mempunyai rumah dapat memiliki rumah sendiri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, industri perumahan merupakan industri dinamik dan merupakan antara penyumbang kepada pembangunan negara seterusnya memberikan kesan limpahan kepada industri-industri berkaitan. Justeru, bagi memastikan industri perumahan kekal kompetitif dan mampu memenuhi keperluan rakyat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Dasar Perumahan Negara (DRN) 2018-2025, sentiasa memberikan **komitmen yang berterusan dalam menyediakan program perumahan mampu milik** yang bertujuan memastikan **setiap rakyat mempunyai tempat tinggal tanpa mengira sama ada secara pemilikan atau sewaan (*shelter for all*)**.

Antara isu-isu yang terkait dengan pemilikan perumahan adalah isu ketersediaan Rumah Mampu Milik (RMM) dalam pasaran serta isu aksesibiliti terhadap pembiayaan perumahan. Justeru, KPKT telah memperkenalkan Dasar Rumah Mampu Milik (DRMM). Melalui DRMM ini, Kerajaan telah memperkenalkan dan menetapkan siling harga RMM pada RM300,000. Walau bagaimanapun, siling harga RMM ini turut tertakluk kepada dasar perumahan di peringkat negeri masing-masing.

KPKT juga sedang melaksanakan pemetaan Indeks Rumah Mampu Milik berdasarkan pendapatan median mengikut negeri dan daerah yang diperolehi daripada tinjauan Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2022. Kaedah ini mengambil kira median pendapatan rakyat mengikut lokaliti berdasarkan kaedah gandaan median (*median multiple*). Pemetaan ini bertujuan sebagai panduan kepada pemaju serta agensi penyedia perumahan bagi penetapan harga jualan rumah di satu-satu lokaliti. Kerajaan juga turut menggalakkan pemaju untuk melaksanakan Kajian Kebolehlaksanaan (*Feasibility Study*) sebelum sesuatu pemajuan dilaksanakan bagi memastikan rumah yang dibina adalah berdasarkan kemampuan rakyat dan dapat dijual.

SOALAN NO: 73

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, KPKT juga komited untuk menyediakan RMM khususnya untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana melalui Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Rumah Mesra Rakyat (RMR) untuk golongan B40. Sementara itu, bagi golongan M40, SPNB dan PR1MA menyediakan kemudahan perumahan untuk golongan tersebut. Pemohon bagi program-program RMM ini akan dinilai berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan terutamanya daripada segi had pendapatan dan taraf pemilikan pertama sebelum tawaran dikemukakan. Ini bertujuan untuk mengekang monopoli dan salah guna oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Kerajaan MADANI juga telah menyediakan inisiatif di bawah aspek pembiayaan bagi menggalakkan pemilikan rumah di seluruh negara seperti inisiatif i-Biaya di bawah Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP). Melalui inisiatif ini, Kerajaan memberi jaminan pembiayaan rumah sehingga bernilai RM500,000. Ini termasuk jumlah pembiayaan pokok, Jaminan Tempoh Pengurangan Gadai Janji (*Mortgage Reducing Term Assurance*, MRTA) atau Takaful Gadai Janji (*Mortgage Reducing Term Takaful*, MRTT), yuran guaman dan yuran penilaian. Pembiayaan adalah terhad kepada rumah pertama. Walau bagaimanapun, pembiayaan ini tidak terhad untuk kediaman baharu sahaja, tetapi termasuk juga rumah sedia ada atau rumah lelongan.

Mengambil kira tindakan-tindakan yang telah dilaksanakan, Kerajaan berpandangan bahawa ia adalah memadai bagi menangani isu monopoli pemilikan rumah yang kini dalam soal monopoli pemilikan rumah yang kini berada dalam keadaan terkawal.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SRI TUAN IBRAHIM BIN TUAN
MAN [KUBANG KERIAN]
TARIKH : 07 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SRI TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN [KUBANG KERIAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bantuan RM100,000 bagi Projek Perumahan Rakyat (PPR) setiap kampung, berapa jumlah yang sudah menerima bantuan ini dan apa mekanisme ketentuan projek dan penyaluran kewangan yang dilakukan.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, komuniti yang layak memohon adalah Persatuan Penduduk yang berdaftar di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) dengan status pendaftaran yang masih aktif. Oleh itu, mana-mana komuniti di bawah Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang berdaftar dan aktif, layak untuk memohon peruntukan ini mengikut skop program yang telah ditetapkan melibatkan lima (5) sektor tumpuan iaitu pertanian dan makanan, jahitan dan kraf tangan, herba dan kesihatan, pelancongan dan hospitaliti serta aktiviti hijau dan kitar semula.

2. Nilai geran yang disediakan adalah antara RM50,000.00 hingga RM100,000.00. Peruntukan akan disalurkan berdasarkan permohonan yang diterima daripada komuniti yang layak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM
[GUA MUSANG]**

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM [GUA MUSANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan tidak bercadang untuk melonggarkan syarat pemilikan rumah generasi kedua FELDA di tapak tanah generasi pertama bagi mengelakkan penghijrahan keluar anak-anak peneroka.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

Tuan Yang di-Pertua,

Kebenaran pembinaan 2 rumah 1 lot (2R1L) telah diumumkan semasa sambutan Hari Peneroka FELDA Peringkat Kebangsaan 2017. Perkara ini diperkenalkan berikutan isu pembinaan rumah kedua oleh generasi baharu FELDA di tapak rumah peneroka tanpa pengetahuan pihak pengurusan FELDA. Pihak Berkuasa Negeri (PBN) pada dasarnya bersetuju dengan pembinaan rumah kedua dalam satu lot kediaman asal peneroka dengan syarat membuat permohonan tukar syarat nyata. Ini kerana di dalam geran hakmilik yang didaftarkan hanya membenarkan sebuah atau satu unit bangunan kediaman dibenarkan untuk didirikan.

SOALAN NO : 75

Halangan kepada penukaran syarat ini mengambil kira peruntukan undang-undang yang terdapat di dalam Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 [Akta 530] yang menyatakan hanya boleh didirikan sebuah rumah sahaja sepertimana peruntukan subseksyen 17(c) dan 17(d) Akta 530:

17(c): *“the holding shall not at any time be used for the erection of any building, other than a building together with the out-buildings and appurtenances thereof used solely as a dwelling house by the holder.”*

17(d): *“any such dwelling house shall be erected upon such part of the holding as the Collector may direct and no other part of the holding shall be used for residential purpose.”*

Pihak Kerajaan mengambil serius terhadap permasalahan ini, yang mana ia melibatkan keperluan mendesak di kalangan generasi baharu FELDA. Oleh itu, pihak Kerajaan telah dan sedang membuat semakan semula Akta 530 untuk mencari penyelesaian masalah termasuk membuat pindaan Akta 530 sekiranya perlu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH BINTI
MAJILIS@FAKHARUDY
[KOTA BELUD]**
TARIKH : **07 MAC 2024 (KHAMIS)**

SOALAN

PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH BINTI MAJILIS@FAKHARUDY [KOTA BELUD] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) peratusan perbelanjaan sebenar peruntukan pembangunan (DE) di Sabah bagi setiap "*rolling plan*" (RP) di bawah Rancangan Malaysia ke-11 dan Rancangan Malaysia ke-12; dan
- (b) jumlah dan jenis-jenis projek yang mengalami kelewatan "*take off*" berbanding perancangan RP asal.

JAWAPAN**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, prestasi perbelanjaan Peruntukan Pembangunan (DE) bagi negeri Sabah untuk setiap *Rolling Plan* (RP) Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) adalah seperti yang berikut:

| RMK | RP / Tahun | Peruntukan (RM bilion) | Perbelanjaan (RM bilion) | Peratus (%) |
|-----|------------|------------------------|--------------------------|-------------|
| 11 | 1 / 2016 | 3.82 | 3.35 | 87.70 |
| | 2 / 2017 | 3.69 | 3.36 | 91.06 |
| | 3 / 2018 | 3.39 | 3.10 | 91.45 |
| | 4 / 2019 | 3.15 | 2.74 | 86.98 |
| | 4 / 2020 | 2.87 | 2.50 | 87.11 |
| 12 | 1 / 2021 | 4.14 | 3.31 | 79.95 |
| | 2 / 2022 | 4.59 | 4.58 | 99.78 |
| | 3 / 2023 | 5.00 | 4.93 | 98.60 |

Sumber data: Cerapan data MyProjek pada 19 Februari 2024 dan SPP11 pada 4 Oktober 2023

2. Sejumlah 123 projek yang mengalami kelewatan "*take off*" di lapangan berbanding perancangan asal adalah seperti berikut:

| Jenis Kategori Projek | Bilangan Projek |
|---------------------------------|-----------------|
| Fizikal - Kelengkapan/Peralatan | 8 |
| Fizikal - Pembinaan | 91 |
| Fizikal - Penyenggaraan | 2 |
| Fizikal - Perolehan Tanah | 5 |
| Fizikal - PPUN | 17 |
| Jumlah | 123 |

Sumber data: Cerapan data MyProjek pada 19 Februari 2024

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN JONATHAN BIN YASIN
[RANAU]
TARIKH : 07 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN JONATHAN BIN YASIN [RANAU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pelaksanaan 'ID Digital' akan dibuat secara mandatori atau pilihan ke atas seluruh rakyat Malaysia dan bagaimana tentang keselamatan data-data peribadi pengguna 'ID Digital'. Adakah kerahsiaan data-data peribadi individu tersebut dijamin selamat oleh Kerajaan. Bagaimanakah proses pemberian 'ID Digital' ini.

JAWAPAN

**YB DR ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan MyDigital ID ialah usaha Kerajaan bagi memudahkan, melancarkan dan menyemarakkan urusan atas talian. MyDigital ID akan diintegrasikan dengan pelbagai aplikasi-aplikasi Kerajaan termasuk sistem pemberian manfaat Kerajaan seperti subsidi bersasar serta manfaat lain yang berkaitan.
2. Pendaftaran MyDigital ID tidak melibatkan transaksi data peribadi dan melibatkan pengeluaran sijil digital identiti khas individu yang akan dijamin keselamatan. Proses merujuk dan mengesah maklumat identiti diri akan dibuat melalui pangkalan-pangkalan data sedia ada dan dilindungi dengan sistem sekuriti kriptografi canggih yang dibangunkan sendiri oleh MIMOS Berhad.
3. Pendaftaran MyDigital ID boleh dibuat secara fizikal melalui kiosk dan peranti tablet yang sedang dibekalkan ke premis-premis tertentu. Data peribadi yang didaftarkan akan berada di dalam pangkalan data premis Kerajaan yang dilindungi dengan ciri keselamatan sistem serta kawalan peruntukan perundangan sedia ada.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD
KADIR [SETIU]
TARIKH : 07 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD KADIR [SETIU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan strategi Kerajaan bagi memastikan tiada golongan penerima E-Kasih tercicir disebabkan pengenalan sistem PADU.

JAWAPAN

**YB DR ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) telah membangunkan Sistem eKasih pada tahun 2007 sebagai satu pangkalan data kemiskinan nasional yang bertujuan untuk mendaftarkan golongan miskin di Malaysia dan mengklasifikasikan kategori golongan miskin di Malaysia sama ada mereka tergolong dalam kalangan “Miskin Tegar” atau “Miskin”.
2. Manakala PADU adalah Sistem Pangkalan Data Utama yang baru sahaja dilancarkan pada awal tahun ini, yang mana ianya mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap berumur 18 tahun ke atas di Malaysia. Maklumat profil ini akan dikemaskini secara berkala melalui pengintegrasian data pentadbiran daripada pelbagai sumber.
3. Bagi memastikan tiada kecaciran berlaku, kedua-dua sistem ini akan diintegrasikan sebagaimana Sistem eKasih disepadukan dengan sistem daripada agensi-agensi lain seperti Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Pejabat Zakat Negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AHMAD FADHLI BIN
SHAARI [PASIR MAS]**
TARIKH : 07 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HAJI AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah penjimatan yang dijangka akan diperolehi oleh Kerajaan apabila skim pencen penjawat awam baru dihapuskan.

JAWAPAN

**YB DR ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini, skim pencen sedia ada untuk pegawai sedang berkhidmat dan pesara sedia ada masih berterusan. Namun demikian Kerajaan sedang mengkaji sistem saraan baharu bagi mengoptimumkan pengambilan dan pengisian jawatan baharu dalam perkhidmatan awam memandangkan bebanan tanggungan pencen makin meningkat setiap tahun. Ini adalah bagi memastikan Kerajaan dapat menguruskan perbelanjaan kewangan negara dengan lebih mampan.
2. Sekiranya sistem saraan baharu ini dilaksanakan, ia dapat memberi penjimatan dan kelegaan kepada beban fiskal Kerajaan dalam tempoh jangka panjang. Simulasi yang digunakan dalam peringkat awal kajian sistem saraan baharu ini menunjukkan kaedah bercarum yang dicadangkan adalah 4.5 kali ganda lebih rendah berbanding kos perbelanjaan pencen sedia ada bagi setiap pegawai awam sekarang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LEE CHEAN CHUNG
[PETALING JAYA]**

TARIKH : 7 MAC 2024 (KHAMIS)

SOALAN

YB TUAN LEE CHEAN CHUNG [PETALING JAYA] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah Kementerian mempertimbangkan untuk mengasingkan sisa makanan (sisa basah) daripada sisa buangan pepejal lain semasa menggunakan kaedah pembakaran sampah *Waste-to-Energy (WTE)*, sebagai satu langkah untuk memastikan pengurusan sisa buangan yang lebih mampan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) sedang mengoperasikan sebuah loji *Waste to Energy (WTE)* di Ladang Tanah Merah, Negeri Sembilan yang mempunyai kemudahan pengasingan sisa pepejal termasuk pengasingan sisa makanan basah daripada sisa pepejal lain. Dalam masa yang sama, bagi perancangan projek pembangunan loji WTE pada masa akan datang, Kementerian akan sentiasa mempertimbang dan memberi keutamaan kepada penggunaan teknologi terkini bagi memastikan pengurusan sisa pepejal yang lebih mampan dan berkesan.

Sekian, terima kasih.